



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
YEE CHUAN HUP PENGGIAT SENI  
BELA DIRI (TAEKWONDO)**

**OLEH:**

**MUHAMMAD ZULHAKIMI BIN SABREY**

**2021461724**

**MHD YUSUF BIN AHMAD**

**2022971063**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN  
MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN  
KURSUS IMR 604- PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN SEMESTER  
05 (OCT 2023 – FEB 2024)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK YEE CHUAN HUP  
PENGGIAT SENI BELA DIRI  
TAEKWONDO**

**OLEH:**

<b>MUHAMMAD ZULHAKIMI BIN SABREY</b>	<b>2021461724</b>
<b>MHD YUSUF BIN AHMAD</b>	<b>2022971063</b>

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN  
MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN  
KURSUS IMR 604- PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN SEMESTER  
05 (OCT 2023 – FEB 2024)**

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirrahim,

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah dan limpah kurnianya kerana diberikan tenaga dan dipanjangkan kudrat bersama-sama rakan seperjuangan untuk menyiapkan tugasan berkumpulan bagi kod IMR604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan) ini dengan sempurna. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya memberikan kami kekuatan dalam menyelesaikan tugasan yang diberikan ini.

Di kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah yang sentiasa sabar memberi tunjuk ajar dan membantu kami dalam menyiapkan tugasan ini. Beliau telah banyak membantu sepanjang proses menyiapkan tugasan ini dijalankan. Tidak dilupakan juga kepada Encik Yee Chuan Hup yang sudi meluangkan masa bersama kami untuk melakukan temu bual ini meskipun dengan jadualnya yang padat. Sebesar-besar penghargaan diberikan kepada beliau atas kesudiannya melayan kami tanpa mengharapkan balasan demi menjayakan sejarah lisan ini.

Tidak dilupakan juga, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada ahli keluarga kami atas pertolongan dan sokongan dalam proses menjayakan tugasan ini. Kami juga ingin berterima kasih kepada rakan sekelas dan kenalan yang membantu kami secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugasan ini.

Sekian, terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
Penghargaan.....	ii
Isi Kandungan.....	iv
Abstrak.....	vii-viii
Rujukan Kata.....	ix-x
Biodata Penemubual 1.....	xiii
Biodata Penemubual 2.....	xiv
Biodata Tokoh.....	xvi
Pengenalan.....	xviii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Zaman Muda Tokoh.....	08
Bahagian 3: Perjalanan Kerjaya.....	09
Bahagian 4: Cabaran dan Liku-liku dalam Kehidupan.....	23
Bahagian 5: Sejarah Tokoh.....	28
Bahagian 6: Pengalaman Tokoh.....	29
Bahagian 7: Sumbangan.....	33
Bahagian 8: Harapan.....	38
Rujukan.....	44
Lampiran	
Log Wawancara.....	47
Diari Kajian.....	51
Senarai soalan.....	55
Surat Perjanjian.....	61
Gambar.....	62
Sijil penghargaan.....	69
Indeks.....	72

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

*Dalam transkrip temubual ini, kita merungkai perjalanan hidup serta minat yang mendalam milik Encik Yee Chuan Hup, yang juga dikenali sebagai Naga Utara dalam lingkungan Muay Thai. Lahir pada tahun 1967 di Kampung Sakar, Encik Yee dengan penuh keterbukaan mendedahkan butiran-butiran kehidupan keluarganya, perjalanan perkahwinannya, dan kecenderungannya yang amat mendalam terhadap seni melukis. Percakapan ini turut menyentuh pencapaian seninya, terutama dalam konteks karya seni yang berkaitan dengan Taekwondo, menonjolkan keahlian serba sifatnya dalam menggambarkan pelbagai subjek. Encik Yee menerangkan dengan teliti tentang populariti serta permintaan tinggi terhadap lukisannya, memberikan gambaran yang jelas mengenai penentuan harga dan jenis tempahan yang selalu diterimanya. Tidak hanya itu, temubual ini juga menyingkapkan lapisan-lapisan kehidupan Encik Yee yang begitu pelbagai, dengan kecerdikannya menyatukan seni bela diri dan bakat artistik yang luar biasa. Dalam perbualan ini, kita dapat menyelami lebih mendalam dalam perjalanan hidup seorang yang dihormati seperti Encik Yee, yang juga memberikan inspirasi dengan kesungguhan serta kepelbagaiannya bakat yang dimilikinya. Temubual ini bukan sahaja menjadi gambaran peribadi Encik Yee, tetapi juga mempersebahkan pandangan eksklusif ke dalam dunia seni dan kehidupan beliau yang penuh warna.*

### Kata Kunci:

*Yee Chuan Hup, Naga Utara, Muay Thai, Usaha Seni Taekwondo, Perjalanan Hidup, Kehidupan Keluarga, Pengalaman Perkahwinan, Minat dalam Melukis,*

## ABSTRACT

*In this interview transcript, we unravel the life journey and profound interests of Mr. Yee Chuan Hup, also known as Naga Utara within the Muay Thai community. Born in 1967 in Kampung Sakar, Mr. Yee candidly shares details about his family life, marital experiences, and his deep-rooted passion for the art of painting. The conversation delves into his artistic endeavors, particularly focusing on artworks related to Taekwondo, showcasing his versatile skills in depicting a myriad of subjects. Mr. Yee elaborates on the popularity and high demand for his paintings, providing insights into meticulous pricing strategies and the diverse types of commissions he consistently receives. Beyond that, this interview also unveils the layers of Mr. Yee's multifaceted life, demonstrating his ability to seamlessly integrate martial arts and artistic talents. Throughout this conversation, we gain a more profound understanding of the respected individual that Mr. Yee is, finding inspiration in his dedication and the diverse spectrum of talents he possesses. This interview not only paints a personal portrait of Mr. Yee but also offers an exclusive insight into the vibrant worlds of art and his rich and varied life.*

**Keywords:**

*Yee Chuan Hup, Naga Utara, Muay Thai, Artistic Endeavors, Taekwondo Life, Journey, Family Life, Marital Experiences, Passion for Painting.*

# **RUJUKAN KATA**

## RUJUKAN KATA

<b>DIALEK</b>	<b>MAKSUD</b>
Dok	Tak
Bubuh/Buh	Letak
Mok	Mak
Gak	Pun
Dak	Kan
Yo	Dia
Sejok	Sejak
Mulo	Mula
Hargo	Harga
Kecek	Cakap
Ikan Kagging	Ikan Lagi
Nu	Tu
Mari	Datang
Akey	Akan
Nok	Nak
Tempoh	Tempah
Jah	Sahaja
Ejah	Bahagi
Buleh	Boleh/dapat
Buleh blako	Serba boleh
Uboh	Ubah
Naling	Berdebar-debar

Takdo	Tiada
Kalu	Kalau
Ore	Orang
Kenal	Tahu
Likung	Menggerumuni
Ambik	Ambil
Hok tu	Yang itu
Tiko	Ketika
Kecik	Kecil
Sohor	Terkenal
Takdok	Tiada
Biaso	Biasa
Kijo	Kerja

# **BIODATA PENEMUBUAL**

## **BIODATA PENEMUBUAL 1**



Nama	:	Mhd Yusuf Bin Ahmad
Tarikh Lahir	:	
Tempat Lahir	:	Sabah, Sandakan
No Telefon	:	
Emel	:	
Program	:	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian)  Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

## **BIODATA PENEMUBUAL 2**



Nama	:	Muhammad Zulhakimi Bin Sabrey
Tarikh Lahir	:	
Tempat Lahir	:	Kulai, Johor
No Telefon	:	
Emel	:	
Program	:	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian)  Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**

### **BIODATA RINGKAS ENCIK YEE CHUAN HUP SENI BELA DIRI TAEKWONDO**



Nama Penuh	:	Yee Chuan Hup
Tarikh Lahir	:	(56 Tahun)
Tempat Lahir	:	Kampung Sakar, Kelantan
Alamat	:	Pasir Mas, Kelantan
Profession	:	Jurulatih Taekwondo
Bidang	:	Seni Bela Diri
Kewarganegaraan	:	Malaysia
Bangsa	:	Cina

# PENGENALAN

## **PENGENALAN**

Taekwondo adalah seni bela diri yang berasal dari Korea dan telah berkembang menjadi salah satu pertandingan sukan di dunia yang dihormati. Perkataan "Taekwondo" berasal dari tiga perkataan Korea, iaitu "Tae" yang bermaksud kaki, "Kwon" yang bermaksud tinju atau tangan, dan "Do" yang bermaksud jalan atau cara hidup. Gabungan kata-kata ini mencerminkan asas dari taekwondo sebagai seni bela diri yang menggabungkan unsur-unsur tendangan dan tumbukan. Ia bukan hanya suatu bentuk seni bela diri, tetapi juga satu falsafah kehidupan yang mengajar disiplin, pengawalan diri, dan sikap hormat terhadap orang lain. Latihan Taekwondo tidak hanya menumpukan kepada teknik serangan dan pertahanan, tetapi juga kepada pembangunan kesihatan fizikal dan mental. Pelatih Taekwondo diajar untuk memahami nilai-nilai seperti kesabaran, kesungguhan, dan kecekalan dalam menghadapi cabaran. Sistem pendidikan Taekwondo turut memberi tumpuan kepada pengembangan karakter dan moral, menjadikan pelatih tidak hanya ahli seni bela diri yang mahir tetapi juga individu yang bertanggungjawab dan berketerampilan tinggi.

Sesuai untuk semua peringkat umur, Taekwondo telah menjadi sukan yang popular di seluruh dunia. Selain daripada keberkesanannya dalam pertahanan diri, pelatih Taekwondo juga mengambil bahagian dalam pelbagai pertandingan sukan dan pertandingan seni bela diri. Kedisiplinan yang diterapkan dalam latihan Taekwondo membantu membentuk minda dan tubuh, mencipta atlet yang seimbang dan berdaya saing. Dengan ciri-khas teknik tendangan tinggi dan gerakan dinamik, Taekwondo bukan sahaja memberikan cabaran fizikal, tetapi juga membangkitkan semangat perjuangan dan semangat kesukanan. Ia bukan hanya tentang menjadi juara, tetapi juga tentang perkembangan peribadi yang holistik. Melalui latihan Taekwondo, seseorang dapat mencapai kesempurnaan diri dan menjadi wira sejati dalam kehidupan seharian.

# **TRANSKRIP**

## TRANSKRIP

Salam Sejahtera Encik Yee Chuan Hup. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup sebagai seorang tokoh dalam bidang seni bela diri. Bersama-sama kami ialah Encik Yee Chuan Hup yang merupakan seorang guru Taekwondo. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 18 Disember 2023 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 2 petang bertempat di , Pasir Mas, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Mhd Yusuf Bin Ahmad dan Muhammad Zulhakimi Bin Sabrey. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

EY= Encik Yee  
MY= Yusuf Ahmad  
MZ= Zulhakimi

### Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh

- MY : **Boleh — kita *start* [mula] dengan latar belakang Encik Yee dulu... Boleh saya tahu nama penuh Tuan ?**
- EY : Nama penuh Yee Chuan Hup lah
- MY : **Yee Chuan Hup okay baik. Okay adakah Tuan mempunyai nama samaran ataupun gelaran ?**
- EY : Nama samaran tu kalau dalam Taekwondo ni .... Kalau dalam — dalam Muay Thai tu ada
- MY : **Kalau dalam Muay Thai apa ?**
- EY : — Orang panggil saya Naga Utara sebab saya pernah naik *stage* [pentas] lawan

Muay Thai kan lah

MY : **Oooo pernah naik ni — stage [pentas]**

EY : Jadi ada gelaran tu lah orang panggil Naga Utara. Muay Thai lah

MY : **Naga Utara tu memang orang bagi je lah ? ke ada cerita**

EY : — Kawan-kawan bagi nama tu sebab biasa tu Muay Thai tu dia ada nama gelaran masing-masing tapi kawan-kawan tu panggil Naga Utara. Bila naik stage Muay Thai tu dia *bubuh* [letak] lepastu nama bawah tu dia *buh* [letak] Naga Utara. Macam orang lain pun ada lah nama samaran Kuda Putih ke haa dia ada nama samaran. Kalau dalam Taekwondo ni takde lah biasa orang panggil Yee saja lah — Master Yee

MY : **Baik-baik — Tuan — Bilakah Tuan dilahirkan**

EY :

— lahir di sini lah

MY : **Jadi kalau eh tadi ? sekarang umur ?**

EY : Lima Puluh Enam [56] (Yusuf mencelah “umur Lima Puluh Enam [56] lah sekarang” ) Umur Lima Puluh Enam [56] sekarang

MY : **— Dimanakah Tuan Dilahirkan ?**

EY : Di sini lah (Yusuf mencelah “di ? ”) di Kampung Sakar

MY : **Oooo jadi memang alamat ni lah**

EY : Haa memang alamat ni lah. Lahir di sini lah.

MY : **— Jadi soalan seterusnya adakah Tuan membesar disitu? jadi ni kita dah tahu jawapan lah eh. Okay Tuan dibesarkan oleh siapa ?**

EY : Mak Ayah lah (Yusuf mencelah “mak ayah ?”) (angguk)

MY : **Dan sekarang Tuan menetap bersama ?**

- EY : Isteri dan anak lah. Orang tua dah meninggal dah. Mak Ayah dah meninggal dah
- MY : Okay — kita pergi soalan yang bawah sikit. Pada tahun bilakah Tuan mendirikan rumah tangga? bila Tuan kahwin dan sebagainya
- EY : Kahwin tu — tahun tu tak ingat (Yusuf mencelah “okay tak apa”) sebab lama dah (Yusuf mencelah sambil tertawa “tak apa) yang isteri pertama tu — mula-mula kahwin la isteri pertama ni yang ketiga ni — tak sehaluan kan berpisahlah (Yusuf mencelah “ mak ayah saya — mak saya bini ketiga”) — dah berpisah pastu kahwin pula — isteri yang kedua tu meninggal haa meninggal lah — sakit kanser — meninggal pastu yang ketiga lah ni.
- MZ : Berapakah bilangan anak-anak Tuan ? (Encik Yee mencelah “ haa ?”) anak ada berapa ?
- EY : Anak isteri yang pertama tu lima [5] orang. Yang kedua tak ada anak lah. Yang ketiga ni dua orang (Yusuf mencelah “so total [semuanya] tujuh [7] orang lah”) haa tujuh lah
- MY : Semua — kira tinggal satu tempat atau macam mana (Encik Yee mencelah “haa ?”) anak-anak yang lain
- EY : Anak yang lain tu yang bini pertama tu dua [2] orang tu dah berumah tangga lah yang laki (lelaki) tu jadi yang tiga lagi tu duduk dengan *mok* [mak] *yo* [dia] lah
- MY : Jadi — Encik Yee ada berapa adik beradik ?
- EY : Lapan [8]
- MY : Encik Yee yang ?
- EY : Yang bongsu (Yusuf mencelah “ooo paling”) haa yang bongsu lah

MY : Ni nak tanya pasal hobi lah. Kalau Encik Yee *free* [lapang] waktu lapang Encik Yee

EY : Hobi melukis lah kalau lapang ni

MY : **Ooo ya nampak**

MZ : **Ni semua lukisan ?**

EY : Ni lukis lah ni (Tunjuk lukisan) dalam gambar-gambar ni semua lukis lah (Yusuf mencelah “nanti kita boleh ambik gambar masuk dalam *report* [laporan]”) hobi tu melukis selain daripada bela diri lah. Bela diri ni bukan Taekwondo saja semua bela diri suka lah. Haa tidak kata kita Taekwondo, seni lain tu tak bagus.... *dok dok* [Tidak] semua seni tu bagus jadi kita minat. Jadi daripada kalangan seni-seni lain pun kita ada kawan lah daripada silat ke karate ke muaythai ke tinju ke semua ada kawan lah. Kita suka lah

MY : **Jadi — tadi hobinya suka melukis, kenapa suka melukis ?**

EY : Melukis *sejok* [sejak] dari sekolah lagi sekolah rendah lagi minat melukis. Haa minat melukis

MY : **Tapi memang (Zulhakimi mencelah “lawa lah “) cantik lukisan ni siap ada nama lagi. Yee Art**

EY : Kalau tidak melukis gak, Taekwondo jadi dalam taekwondo pun ada lah orang *tempoh* [tempah] lukisan taekwondo-taekwondo ke

MY : **Baru nak tanya tadi, Encik Yee tak jual ke ni lukisan**

EY : Jual, ada orang tempah pun banyak. Tempah lukis potret gambar pemandangan ke apa sahaja lah. Tempahan-tempahan tu ada lah

MY : **Boleh tanya harga ? (Encik Yee mencelah “haa”) boleh tanya harga ? anggaran harga**

EY : *Hargo [harga] tu kalau besar ni — Empat Ratus Lapan Puluh [480] potret. (Zulhakimi mencelah “yang atas ni ?”) tu tu yang besar tu rimau tu atas kanvas lah tu guna cat akrilik. Banyak la orang tempah lukis potret macam tu*

MY : **Oh tu yang paling mahal**

EY : Kalau yang besar lagi tu lagi mahal lah (Yusuf mencelah “yang paling mahal yang mana”) ada dalam tu — pemandangan dalam dasar laut (Yusuf mencelah “harga?”) dalam Tiga Belas Ribu ([13000])

MZ : **Berapa yang paling mahal Encik Yee dapat ? (Encik Yee mencelah haa?) berapa yang paling mahal harga Encik Yee dapat jual setakat ni ?**

EY : Paling mahal yang buat hari tu dalam Tiga Ribu [3000] lebih

MY : **Lukisan apa tu ?**

EY : Lukisan pemandangan. Lama dah la jual tu. Biasa kalau — ikan ke potret yang orang tempah pun ada lah dalam lapan ratus [800] ke seribu [1000] lebih ke tengok atas diaorang nak lah saiz besar mana. Kalau yang biasa tiga ratus [300] lebih pun ada. Ada orang buat *tempoh* (tempah) ikan laga. Kalau kelantan dia panggil *ike kaghing* [ikan laga] tu. Kenal dak [Tahu kan] *ike kaghing* [ikan laga] haa macam tu lah (Yusuf mencelah “saya *enal* [tahu] ikan tu”) kalau orang nak yang murah gak, yang tak ada *frame* [bingkai] murah sikit (Yusuf mencelah “oo kira kanvas sahaja”) haa (mengangguk) kalau *frame* [bingkai] siap tu memang mahal sikit. Ada macam-macam la lukisan — yang orang minat lah (Yusuf mencelah “cantik lukisan”) gambar-gambar macam Tok Guru *ado* [ada] lah dalam ni. Kalau gambar tok guru

pun ramai juga orang beli, daripada dulu saya melukis tu dalam Covid hari tu lah saya melukis di Kuala Besar, ada orang daripada Pulau Langkawi dia datang Kelantan ajak jumpa nak beli, gambar Tok Guru lah, Tok Guru Nik Aziz, kenal ? (Yusuf dan Zulhakimi menjawab “kenal”) ada lah gambar tu (Yusuf dan Zulhakimi bertanya “ada gambar tu”) ada, banyak juga lah, gambar Tok Guru, gambar pemandangan, macam ni pun banyak (ambil menunjuk ke arah bingkai lukisan nya)

MZ : **Apa cita cita tuan semasa kecil ?**

EY : cita cita masa kecil, cita cita tu nak jadi pelukis — begitulah (ambil tergelak kecil) (Yusuf menyambung “pelukis yang masyhur ?”) sebab di sekolah rendah pun dah suka melukis (Yusuf menjawab “jalan dia ada dah, sebab sekarang tengah melukis” ( Encik Yee terpinga-pinga) ( Yusuf menyambung “ boleh lagilah orang kata, nak jadi pelukis yang masyhur, masih boleh diteruskan).

MY : **Jadi — Encik Yee fasih berbahasa melayu ?**

EY : Fasih bahasa melayu lah, *kalu kecek klate hok kalau gi mana mana gak ore kata melayu lah* [kalau cakap kelantan, pergi mana mana pun orang kata melayu lah] sebab kalau pergi Kuala Lumpur tempat kejohanan Taekwondo *ko* [ke] kursus Taekwondo apa, cakap melayu lah sama sama cina kelantan pun pergi sana kawan kawan cina *dok* [kan] cakap melayu, cakap melayu *klate* [kelantan] ni lah, jadi kalau pergi sebelah luar *ore* [orang] kata melayu lah, sebab campur dengan jurulatih melayu, cina pun cakap melayu — sama cina pun cakap melayu haa bila keluar *kei* [kan] memang *ore klate lagu tu* [orang kelantan macam tu] sama cina pun cakap melayu (Yusuf menyambung “jarang saya jumpa *culture* [budaya] yang macam ni kalau kat luar, kat KL, Selangor semua *takde* [tiada], kalau — biasa *dorang* [mereka]

akan cakap English ataupun Chinese, lagi lagi jumpa Chinese dengan Chinese) cakap melayu kalau Kelantan lah (Yusuf menyambung “dengar Encik Yee cakap ni — lain daripada lain”)

MY : **Okay — Encik Yee ada rutin tak, rutin senaman macam mana nak kekal sihat ?**

EY : Senaman (Yusuf mencelah “haa contoh yoga ke) *takdok.* [tiada] *Biaso* [biasa] gak jogging *exercise* [senaman] *gitu jelah* [begitu tu sahaja lah] (Yusuf menyambung “jogging *exercise* [senaman] je lah ??”) haa jogging *exercise* [senaman] je la

MY : **Setiap hari ?**

EY : *Tidak* [tidak] setiap hari *jugok* [juga] kadang-kadang seminggu tu adalah tiga kali, biasa pagi *dok* [kan], jogging dalam ni je lah, biasa sebelum hantar anak pergi sekolah dalam pukul tujuh [7], enam [6] setengah tu kita jogging lah dalam ni (ambil menunjuk ke arah gelanggang berlatih), jogging dalam gym je lah, lepas tu gak mandi-mandi hantar anak sekolah tu je, tapi tidak setiap hari lah, kadang-kadang tiga kali seminggu, empat kali seminggu, macam tu lah (Yusuf menyambung “tiga, empat kali eh”)

#### **TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2 : LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

MY : Jadi — nak tanya pasal *background education* [latar belakang pendidikan],  
(Zulhakimi menyambung “latar belakang pendidikan”)

EY : Pendidikan tu sekolah tidak tinggi, setakat SRP sahaja, (Zulhakimi bertanya “SRP ?”) dulu... dulu SRP, (Yusuf dan Zulhakimi bertanya SRP ni PMR kan?”?) tingkatan tiga (Zulhakimi bertanya “PT3 lah sekarang ni kan?”) (Yusuf menjawab “ooo betul lah”) tingkatan tiga [3] dulu SRP (Yusuf menjawab “haa betul betul”) dulu pastu naik tingkatan empat [4] berhenti sekolah, malas sekolah (sambil tertawa kecil) jadi sekolah ni *tidok* [tidak] tidak berminat lah cuma pergi sekolah suka melukis macam tu *sejok* [sejak] sekolah rendah lagi haa

MY **Sekolah dekat kawasan sini je lah ?**

EY : Sekolah rendah sekolah SK Tanjung Bunga, SK Tanjung Bunga dalam 3 4 kilo lah, dulu jalan kaki *jah* [saja] dulu. *Tiko kecik* [masa kecil] dulu lah jalan kaki lah pergi sekolah. Sekolah menengah sekolah menengah Tendong tu sampai tingkatan 4 naik tingkatan 4 berapa bulan tu tak ingat lah lepas tu berhenti. Berhenti tu pergi belajar kat apa — buat *signboard* [papan tanda] Art Advertising. Haa belajar buat *signboard* [papan tanda] nombor plat lah haa belajar buat tu.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: PENGAMALAN KERJAYA**

- MY : **Nak tanya pasal Taekwondo tadi, Tuan dapat — Encik Yee dapat ilmu bela diri ni, ilmu pertahankan diri ni sejak kecil ke atau macam mana ?**
- EY : Ooo saya *start* [mula] latihan tu tahun tujuh puluh tujuh [77] macam tu lah *start* [mula] belajar Taekwondo
- MY : **Tujuh puluh tujuh [77] tu umur Encik Yee dalam berapa anggaran?**
- EY : Berapa — sebab lahir enam puluh tujuh [67] (Yusuf menyambung “enam puluh tujuh [67] belasan tahun”) dalam darjah lima (Yusuf mencelah “ooo kira sejak kecil lah, boleh cakap ye lah. Baik baik faham”)
- MZ : **Siapa cikgu yang ajar ?**
- EY : Cikgu yang ajar *mulo-mulo* [mula-mula] di Kota Bharu lah nama Lee Ah Ming tapi dah meninggal dah lah (Zulhakimi bertanya “Lee Ah Ming?”) haa Lee Ah Ming nama dia lah dulu lepas tu tukar jurulatih lain tu nama Benny dah meninggal *jugok* [jugak] Benny tu orang Pahang, Mentakab haa dia datang Kota Bharu. Kerja kat Kota Bharu jadi dia buka Taekwondo berlatih dengan dia... Benny tu
- MZ : **Memang tak sambung kat *U* [universiti] lah habis belajar dekat mana lepas tingkatan tiga [3] tu belajar dekat mana**
- EY : Belajar kat sekolah menengah mana (Zulhakimi bertanya “tingkatan empat [4] berhenti belajar kan lepas tu” Yusuf menyambung “ada sambung belajar lagi tak” *takde-takde* [tiada-tiada] cuma bekerja je lah
- MY : **Okay jadi macam mana nak — okay kalau kerja tu bila *start* [mula] kerja, kerja apa boleh cerita?**

EY : Kerja saya lepas berhenti sekolah tingkatan empat [4] — pergi belajar kat Ruby Art (Yusuf mencelah “oo seni”) haa dia buat papan tanda ni — papan tanda tulis body dulu kan nombor plat pastu lepas belajar kat Ruby saya tak ingat setahun lebih ke dua tahun lepas tu saya berpindah ke Kota Bharu pergi cari *kijo* [kerja] nak pengalaman lah cari banyak tempat di Kota Bharu tu kerja tiga [3] tempat — dua [2] tempat lah — Sky Art Studio tempat tu tak ingat berapa tahun kerja situ pastu pindah dekat Modern Art pula Modern Art Advertising haa kerja dengan dia lah. *Kijo* [kerja] tu buat *signboard* [papan tanda] tu lah buat *signboard* [papan tanda] tolong lukis kat van... Van dulu colgate contohnya dak dia tidak macam sekarang, sekarang ni dia guna komputer tampal saja dok, dulu kena lukis, tulis *body*, kalau van jual sabun, lukis sabun kat van, tidak macam sekarang. Dulu buatlah besar besar macam tu, sekarang ni guna komputer — *sticker*, tampal senang. lepas *pada kijo* [kerja] — banyak tahun jugak la, buka sendiri (yusuf menyambung “buka kedai”) buka kedai macam ni lah buat papan tanda, lepas saya buka tu, ajar Taekwondo — buka Taekwondo ni tahun 90 lah *start* jadi jurulatih mengajar Taekwondo ni, *start* ajar tahun 90 sampai sekarang, berapa tahun dah tahun 90 (yusuf “2023 tolak 1990 — oh 33, okay betul betul”)

MZ : **Masa sekolah, ada tak join Taekwondo ke apa ke ?**

EY : Masa sekolah tu takde.

MY : **Jadi active Taekwondo ni masa ni lah, umur 30 —**

EY : *active* Taekwondo tu *start* [mula] tahun 77 tu lah *start* [mula] belajar, pergi belajar kat Kota Bharu tu, belajar tu bukan setakat Taekwondo lah, campur kawan kawan gak [pun] pergi belajar Muay Thai, — jurulatih kat Kota Bharu dia ajar tinju,

*modern arnis filipin martial art tu kan pakai kayu, belajar muay thai dengan kawan, bila kawan kawan ajak naik stage gak [pun] pergi naik stage jugak (yusuf menyambung “sekali lah”) ( Zulhakimi bertanya “tapi jadi jurulatih Taekwondo je ?”) ye Taekwondo.*

MZ : **Kalau ada orang nak belajar Muay Thai Encik Yee ada ?**

EY : Ada, lama dah, dulu tu ada, daripada Kota Bharu ada lapan orang, ajar dekat setahun belajar lepastu diorang pergi Kuala Lumpur, kerja kan— (yusuf bertanya “belajar apa tadi ? Muay Thai ?”) ada budak budak baru nak belajar Muay Thai jugak, kita ajar.

MY : **Encik Yee boleh cerita apa apa peristiwa ataupun pengalaman yang menarik sepanjang Encik Yee bekerja sebagai jurulatih Taekwondo**

EY : Yang menarik kalau pergi bawak murid murid pergi kejohanan lah macam tu saja yang dapat banyak pingat kan, bila kita pergi berkumpulan ramai dan menang pingat tu, itu yang menarik lah, biasa dulu di Thailand, pergi kejohanan kat Thailand lebih baik lah daripada di Malaysia ni, saya pun lebih suka kejohanan kat Thailand sebab peraturan dia pun boleh kata (yusuf bertanya “lagi *strict* [tegas] ke atau—”) lagi *strict* [tegas] lah, tidak berat sebelah, kalau Malaysia ni banyak berat sebelah, jadi kadang-kadang kalau kat Malaysia, kita pergi bertanding kat Kuala Lumpur, satu masa kita dak [kan] satu lagi jauh, habis wang lagi, pergi sana pengadil berat sebelah. jadi sakit hati lah. pergi kat Thailand tu, tidak nampak sangat lah berat sebelah tu, jadi kita bawak budak budak pergi lawan tu — *buleh* [boleh] pingat lah, sebab kalau kita nak pergi lawan kat Thailand, kita pilih yang boleh lawan, jadi sekurang kurangnya kalau kita pergi lima belas orang, mungkin 12 orang *buleh* [boleh] pingat,

3 orang tidak *buleh* [boleh] pingat, bukan semua *buleh* [boleh] pingat.

MY : **Jadi setakat ni Encik Yee pernah bawak berapa orang pergi kejohanan ?**

EY : Kalau sekarang ni saya kurang dah pergi kejohanan, tapi saya hantar budak pergi kejohanan dengan jurulatih lain pergi, tapi kalau di Thailand saya sendiri pergi, kalau di Malaysia ni macam *fed up* lah saya ni, dulu dalam setahun tu banyak kali pergi, pengadil berat sebelah, jadi fikir fikir takdo guna, pergi habis duit lagi habis masa lagi, sakit hati lagi, jadi sekarang ni saya tak pergi lah kejohanan, baru ni pun ada Enter Club di Kuala Lumpur di Titiwangsa, saya hantar dua orang, 1 perempuan 1 lelaki, jadi 2 orang saja lah, hantar jurulatih lain hantar pergi, jadi yang lelaki tu buleh gangsa, yang perempuan tu tak boleh, baru hari sabtu ni, jadi kalau di Thailand tu saya sendiri bawak, bulan 10 baru ni ada kejohanan di songkra Thailand saya sendiri bawak pergi (yusuf menyampuk “ oh baru lagi, Encik Yee bawak berapa orang ?”) saya tak ingat berapa belas orang (yusuf menyambung “berbelas belas lah”)

MY : **Yang dapat pingat tadi berapa orang ?**

EY : Saya pun lupa berapa orang, termasuk anak yang tadi pun pergi jugak, dia buleh pingat perak, jadi setiap tahun lah di Thailand tu sebab kalau sebelah sana saya kena bawak pergi lah sebabnya masalah bahasa.

MZ : **Maksudnya Encik Yee pandailah bahasa Thailand.**

MY : **Macam mana boleh ni— (Encik Yee menyambung “bahasa Thailand ??”)**

EY : Sebab Mak Ayah tu dia cakap bahasa Thailand bahasa Cina campur la (Zulhakimi bertanya “mak ayah orang Thailand?”) tidak, orang sini, mak tu orang wakaf baru jadi kampung kan dia cakap tu campur bahasa cina bahasa siam tu dia campur,

bahasa melayu (yusuf menyambung “*buleh blako* (serba boleh) Encik Yee”)

MZ : **sekarang ni Taekwondo kan dia ada tali pinggang — (Encik Yee menjawab “ada”) boleh cerita tak — tali pinggang..**

EY : Mula mula tali pinggang warna putih ( yusuf menyelit “putih ni bawah sekali ?”) haa bawah sekali, bila latihan [3] bulan kalau kat sekolah seminggu sekali, kena [3] bulan lah baru boleh periksa, kalau tempat saya ni seminggu [4] kali ni saya buat latihan, seminggu empat [4] kali kadang kadang sebulan setengah periksa dah, bila periksa kita panggil pemeriksa bertauliah lah di Kota Bharu tu Mister Chong datang periksa naik kuning satu [1] kuning satu [1] tu pangkat lapan [8] haa pangkat lah gred lah pastu kalau latihan pula kalau mengikut sekolah tiga [3] bulan periksa pula naik kuning dua [2] pangkat tujuh [7] haa dia tiga [3] bulan lah dia tiga [3] bulan naik hijau satu [1] pangkat enam [6] pastu naik hijau dua [2] pangkat lima [5] dia semakin sedikit lah haa dan seterusnya lah biru satu [1] naik biru dua [2] merah satu [1] merah dua [2] haa baru naik *black belt* [tali pinggang hitam] kalau umur lima belas [15] ke atas lah *black belt* [tali pinggang hitam] kalau lima belas [15] ke bawah poom *belt* [tali pinggang] tu tali pinggang hitam merah tu lah haa dia bagi hitam dan merah separuh lah haa tu *black belt* [tali pinggang hitam] bawah lima belas [15] tahun pastu kalau sampai *black belt* [tali pinggang hitam] nak ambil second Dan. Hitam kedua dua tahun

MY : **So — nanti dia jadi apa ? hitam juga lah ?**

EY : Hitam *jugok* [juga] tapi hitam second Dan dah lah.

MY : **Ooo — apa beza hitam dengan hitam yang kedua ?**

EY : Kalau tengok pada tali pinggang tu *takde* [tiada] beza kena tengok dalam sijil lah

baru boleh tahu sebab *black belt* [tali pinggang hitam] tu banyak Dan tu dua tiga empat lima enam dan seterusnya lah

MY : **Dalam Taekwondo ni ada jenis-jenis ke ataupun — macam contohnya silat, silat gayung ada silat cekak, silat apa lagi (Encik Yee mencelah “Silat tu banyak”) kalau Taekwondo tu ada ?**

EY : Taekwondo ni yang setakat saya tahu la. Dulu kalau kira tu WTF, ITF, GTF — MITF. Kalau yang WTF ni satu sahaja Taekwondo WTF (Yusuf bertanya “ni satu je?”) haa pastu kalau yang ITF tu dia pecah pula ITF, MITF, GTF tapi benda tu sama yang tu lain yang tu kalau kat Malaysia ni nak masuk sukma pun tak boleh, rugi lah (Yusuf bertanya “yang mana tu?”) yang ITF, GTF, MITF ni. Kalau belajar pun kena kejohanan tu sama-sama dia je lah kalau pandai pun nak pergi luar negeri, sukma pun tak boleh. Tambah lagi nak pergi sukan sea, sukan olimpik pun WTF sahaja.

MY : **Yang Encik Yee ajar ni ?**

EY : WTF lah, yang diiktiraf oleh sukan olimpik

MZ : **Apa beza ?**

EY : Beza dia sistem dia tidak sama *pattern* [corak] pun lain cuma tendang sama nama *side kick* [tendangan sisi] *turning kick* [tendangan pusing] tendang tu sama tapi cara *pattern* [corak] dia tu pergerakan *pattern* [corak] dia tu lain haa kalau macam WTF ni dia ada dia panggil taegeuk one [1] taegeuk two [2] kalau kuning satu [1] taegeuk satu [1] naik kuning dua [2] taegeuk dua [2] kalau naik hijau satu [1] taegeuk tiga [3] sampai lah lapan [8] taegeuk merah dua [2] — taegeuk lapan [8] lepas tu naik ke *black belt* dia panggil koryo — macam tu kalau ITF dia tidak — taegeuk dia ada nama-nama dia tanbum dusun nama dia macam tu pula. Jadi pergerakan dia tu lain

pastu dalam kejohanan pun sistem tu lain haa cara pemakaian pun lain. Kalau uniform yang WTF dia bentuk V, uniform lah dia bentuk V. Kalau yang ITF, MITF, GTF dia sama je tiga tu, dia mari ikat kat tepi ni dia melintang sampai bawah ni (menunjukkan kat bahagian perut) pastu segi kejohanan yang WTF padding dia bengkung padding haa topi pastu shin arm guard, dia ada guard. Kalau yang ITF dia guna gloves(bunyi kenderaan) dia tak pakai pakai padding, lain sistem dia tu kejohanan lain pastu mungkin dari segi pemarkahan lah, markah dia tu pun lain lah cara-cara macam WTF ni tendang kepada berapa markah, tendang tubuh berapa markah haa lain la pula tu (Yusuf bertanya “yang paling tinggi kepala lah kan?”) kepala lah. Kepala pun tengok kepada tendangan macam turning kick ke — asalkan sentuh kepala lah slap ke tiga [3] markah kepala. Tendang turning kick tubuh dua [2] markah kalau tendangan pusing macam back — kick kena tubuh empat [4] markah kena muka lima [5] markah. Jadi kepala tu markah banyak macam reverse kick pusing kepala lima [5] markah (Yusuf mencelah “kira *impact* [kesan] dia tu kuat la nanti”) haa dia kepala dia kira sentuh sahaja asalkan sentuh sikit dapat markah kepala lah lepastu dia tengok lah tendangan apa. Tendangan pusing kena kepala lima [5] markah (Yusuf mencelah “tu yang paling tinggi lah”) paling tinggi setakat ni. Dia *uboh-uboh* [berubah-rubah] lah dia baru *uboh* [ubah] je tu dulu tiga [3] markah pastu dia — yang world taekwondo yang nak ubah semua kena ikut (Yusuf bertanya “sebelum ni ?”) sebelum ni tidak macam tu (Yusuf bertanya “bukan lima [5] markah ?”) dok dok [tidak tidak] bukan lima [5] markah hanya tia [3] markah apa tendangan pun tiga markah pastu dia ubah reversewing kick lima markah [5] back drass kena muka lima [5] markah kena tubuh empat [4] markah yang terbaru — seluruh dunia

lah ikut

MY : **Kalau student [pelajar] atau siapa siapa lah kalau nak masuk ke game [perlawan] tu dia — apa dia kena buat ?**

EY : Kena buat exercise [senaman] je lah dia kena stratching dulu

MY : **Jadi exercise [senaman] tu ?**

EY : Regangan otot dulu kaki boleh kelembutan, kepantasan tu — warming up lah

MY : **Sebelum nak masuk game [perlawan] tu biasanya berapa lama student ni nak kena practise untuk dia macam perform lah dalam game tadi**

EY : Biasa tu tiga puluh [30] minit sebelum. Macam tiga puluh [30] sebelum dia nak masuk tu lah. Dia kena buat lah stretching tu sebelum tu tiga puluh [30] minit ke empat puluh [40] minit ke kena buat stretching kaki untuk kelembutan dia kena buat

MY : **Kalau yang pergi practise setiap malam — saya ada kawan dia masuk taekwondo juga, dia kata dia kalau tak turun contoh dalam sehari atau dua hari lah dalam seminggu tu tak turun practise nanti dia — dia punya ni nak bertanding nanti dia dah tak power lah (Encik Yee mencelah “haa betul”) haa itu yang saya nak tanya tadi biasanya kalau nak pergi game ni dia berapa lama nak kena practise sebulan ke dua bulan ke tiap malam kena turun ke**

EY : Kena practise kalau kira kalau boleh setiap malam. Kena latihan setiap malam. Biasa tempat kita ni latihan satu jam setengah je sekali latihan (Yusuf bertanya “jadi student-student [pelajar-pelajar] Encik Yee tiap malam ke ?”) bila dekat dengan

kejohanan ni — ni ada kejohanan kat UiTM *dak* [kan] hujung bulan ni *dak* [kan]  
biasa saya buat — biasa saya buat tu empat kali jadi saya tambah lagi jadi lima kali  
seminggu untuk kejohanan ni lah (Bunyi kenderaan lalu)

MY : **Encik Yee punya ni total [keseluruhan] pelajar sekarang**

EY : Pelajar tidak ramai mana lah dalam anggaran dalam tiga ratus orang macam tu

MZ : **Majoriti melayu ?**

EY : Melayu, Kelantan ni melayu lah

MY : **Memang setiap kelas tu tiga ratus [300] tu datang ke ?**

EY : *Dok* [tidak] sebab saya pergi ajar kat sekolah-sekolah (Yusuf bertanya “ooo Encik Yee pergi kat sekolah-sekolah?”) haa sini student yang mari ni student yang dekat-dekat lah macam di kota Bharu, Wakaf Bharu, Pasir Mas ke

MY : **Setakat ni Encik Yee ajar dekat mana je ?**

EY : — setakat ni dekat Tanah Merah ada, Pasir Mas, Kota Bharu, Tumpat, Machang (Yusuf bertanya “kira enam [6] lah kan saya kira tadi ada enam [6]”) haa di Tanah Merah tu ada dua [2] sekolah, kalau Machang tu tiga [3] Kota Bharu ada SK Zainab, SK Zainab Dua pastu kalau di Tumpat tu ada SK Berangan satu, SK Cabang Empat, SK — Sekolah Menengah Berangan, SK Pasir Pekan (Zulhakimi bertanya “Tumpat banyak sekali?”) haa Tumpat

MY : **Jadi macam mana Encik Yee punya jadual (Encik Yee bertanya “jadual?”) haa hari-hari ke ?**

EY : Hari-hari lah petang (Yusuf bertanya “ada pertindihan ke?”) takde lah sebab tu kena *ejah* [bahagi] la, kalau hari jumaat saya pergi Machang tiga buah sekolah lah sampai start pukul tujuh lima puluh [750] SK Hamzah satu (Zulhakimi bertanya “pagi ke

?") haa pagi pastu habis tu habis pukul sembilan dua puluh [920] sembilan setengah [930] pergi sekolah cina tu sekolah Pei Hwa start sembilan setengah [930] habis pukul sebelas [11] pastu pukul sebelas [11] tu habis pergi sekolah menengah hamzah habis dua belas setengah [1230] diorang [mereka] berhenti dua belas setengah lah [1230] untuk solat jumaat kan (Yusuf bertanya "ni Machang kan?") haa Machang pastu habistu saya balik petang pergi sekolah Zainab Dua [2] SK Zainab Dua [2] Kota Bharu habis Kota Bharu malam tu pula kat gym saya pula (Zulhakimi bertanya "ni hari jumaat ?") haa ni jumaat jadi ejas macam tu je lah kalau hari sabtu pagi bahagian Tumpat tu, Berangan — SK Cabang Empat — sebelah sana — hari sabtu. Kalau hari ahad SK Pasir Pekan petang lah, hari Isnin tu saya buat dekat gym saya ni petang empat setengah [430] sini hari selasa tu di — Tanah Merah (Yusuf bertanya "jadi jap lagi ni ada lah ?") haa pukul empat setengah [430] lah (Zulhakimi bertanya "empat setengah [430] sampai pukul berapa?") sampai pukul enam [6] tapi biasa kat gym ni tak ramai mana lah tidak tentu sebab kita buat seminggu tu lima [5] kali ada yang datang ada yang tak datang — cuti sekolah ni tidak ramai mana lah sebab ramai pergi makan angin — bercuti

MY : **Umur berapa yang datang ?**

EY : Yang datang ni ada umur lima [5] tahun ke atas (Yusuf bertanya "lima [5] tahun tu dah *start* [mula] dah?") *start* [mula] tu umur empat [4] tahun (Yusuf bertanya "paling tua kat sini?") paling tua sekolah menengah tingkatan tiga [3] paling tua kat sini

MY : **Boleh tahu — bayaran ?**

EY : Bayaran sepuluh [10] ringgit satu sesi. Kalau kat sekolah tu ada yang kira satu bulan empat puluh [40] ringgit satu bulan sama je lah kalau kira kadang-kadang empat [4]

kali kadang-kadang lima [5] kali macam tu lah

MZ : **Apa yang orang — yang tak belajar Taekwondo ni orang awam —**

MY : **Gini-gini orang awam ni sebelum dia nak — menceburি bidang seni pertahankan diri taekwondo ni ada tak apa apa yang dia perlu tahu dulu, dia kena alert [ingat] aku nak belajar taekwondo ni aku nak pukul orang — boleh tak dia tanam mindset macamtu (Encik Yee mencelah “tak boleh”) okay jadi**

EY : Biasa tu kalau orang datang dia tak bagitau macam tu lah yang datang tu biasa ibu bapa yang bawa nak bagi anak masuk taekwondo. Yang sekarang ni dia tak nak anak dia tu duduk di rumah tengok tv, main telefon. Banyak ibu buat macam tu lah bagi, kalau kat rumah tu main telefon, tengok TV — nak bagi ada aktiviti, ada jugak budak yang nakal ada sorang duduk di kampung serdang sana, datuk dialah ambil mari, kata nya buas sangat duduk di rumah, dia kata bagi main Taekwondo nak bagi dia letih (yusuf menyambung “oh faham”) dia hantar sini dia kata malam terus tidur dah. kebanyakan ibu bapa macam tul lah nak bagi ada aktiviti sebab kalau kat rumah main telefon. Tapi budak budak yang latihan Taekwondo ni kalau kat sekolah tidak lah bergaduh ke apa ke tak, biasa yang bergaduh-gaduh ni berdisiplin, lepas tu kalau nak bergaduh masuk kejohanan, training training masuk kejohanan

MZ : **Berapa — waktu orang tu — (yusuf mencelah “ okay soalan dia yang next ni okay contoh orang tu dia nak belajar Taekwondo kan, berapa lama nak bagi satu orang ni mahir — orang kata dia pro lah, berapa lama dia kena practice**

—

EY : Atas latihan, kalau nak pandai, latihan tu kena rajin, kalau misalnya dalam sebulan datang sekali dua kali sahaja latihan, dua tahun pun belum tentu boleh mahir, kalau

dia datang hari-hari latih-latih dak (kan) mari training sini seminggu tiga kali *mari* (datang) training, di rumah pun dia buat juga latihan tu, mungkin dalam setahun tu dah mahir dah (yusuf bertanya “ paling cepat — black belt”) black belt tu adalah dalam dua tahun, dua tahun lebih macam tu lah. Kalau lah datang latihan seminggu empat kali mungkin dalam setahun lebih sikit dapat dah black belt — dia rajin latihan. Kalau latihan pun tengok juga latihan untuk kejohanan ke atau latihan untuk naik tali pinggang (yusuf bertanya “lain ke”) tak sama, latihan untuk naik tali pinggang, tidak sama lah dengan yang kejohanan.

MY : **Kalau kejohanan dia focus kepada apa ?**

EY : Sparring lah, ada yang *pattern* pun ada, pattern lawan teaguk tu *pattern* (Encik Yee menyambung) pergerakan sahaja. Kalau yang sparring ni masuk — lawan (“air air” Encik Yee mempelawa minum air di tengah-tengah perbualan dan di jawab oleh Encik yusuf “minum Encik Yee) lain dia tidak sama, yang kejohanan sparring ni lawan dia kena lasak, kena jogging, tiap kali latihan kena pakai *padding* (sejenis alat berlatih Taekwondo) lawan dulu (yusuf mencela “ ini untuk naik—tali pinggang”) untuk naik kejohanan. Kalau untuk tali pinggang *training basic* ingat *taegeuk* (langkah-langkah dalam Taekwondo) buleh (boleh) periksa.

MY : **Yang periksa tu— nak tahu detail, periksa dia macam mana, contoh kalau saya periksa jawab *paper*, jawapan betul dapat markah — itu untuk periksa *student* macam saya ni, kalau periksa — (Zulhakimi menyelit “Taekwondo)**

EY : Taekwondo ni pemeriksa duduk kat depan, jadi yang murid murid duduk (maksudnya berada) depan pemeriksa lah, jadi kita buat *basic* asas tali pinggang putih macam mana — buat basic putih. Tali pinggang putih basic sahaja — ha

pergerakan dia tu, tumbuk, tepis — tangan, lepas tu pergerakan dalam — bergerak ke depan belakang — kaki dia tu — *stunt*, L *stunt* ke *forward stunt, standing stunt* tu betul ke dok (tak) bergerak ke depan, undur ke belakang, tendang ke depan, tendang ke belakang.

MY : **Dalam berapa banyak *combination/step* nak kena ingat untuk tali pinggang putih.**

EY : Tali pinggang putih tu sikit sahaja, *basic* sahaja.

MY : **Basic yang sikit tu dalam berapa *step* ?**

EY : Kalau macam — tumbuk sekali, tumbuk dua kali, tepis ke atas, — *session block, inner forearm block, session block*, [6] — lepas tu dalam pergerakan, tumbuk ke depan empat langkah, lepas tu undur empat langkah, lepas tu ke depan empat langkah, undur tepis empat langkah lepas tu tendang lah. Tendangan depan, belakang, *turning kick* tendangan membelok — depan belakang — itu sahaja lah untuk tali pinggang putih. Jadi lepas tu lulus naik kuning satu, belajar basic tu la, dia ada lebih *taegeuk pattern, taegeuk one taegeuk satu* enam belas [16] pergerakan, jadi bila nak periksa untuk kuning satu [1], *taegeuk* tu kena ingat, *basic* saya tunjuk — saya akan tunjuk dia ikut buat. Habis itu *taegeuk* kena ingat sendiri. kena latih sampai ingat baru boleh periksa, untuk kuning ke atas. (yusuf mencela “*taegeuk* ni — Encik Yee menyambung “ nama pattern lah”) pattern nya tu bergerak kiri kanan depan belakang, dia kena ingat sendiri enam belas [16] pergerakan, kalau tak ingat tak boleh ambik (ambil) periksa, kalau periksa — tak ingat, tak lulus. Habis tu naik kuning dua [2] dan seterusnya, *taegeuk* lain-lain, kuning satu [1] *taegeuk* lain, kuning dua [2] *taegeuk* lain — *pattern* lain — macam tu.

- MY : **Kalau paling tinggi, *black belt* dia punya —**
- EY : *Taegeuk* ni dia kena ingat dari *taegeuk* satu [1] sampai lapan [8], yang dia tu *taegeuk* lapan [8] yang lain tu dia kena ingat lah sebab pemeriksa akan suruh dia buat (yusuf menyelit “yang sebelum-sebelumnya juga ?”) yang sebelum ini dia kena buat, yang merah dua [2] tu naik ke *black belt* wajib *taegeuk* lapan [8], lepas tu yang lain tu pemeriksa akan pilih (yusuf mengangguk faham “oh dia nak yang mana—”) mungkin dia suruh buat *taegeuk* tiga [3] — buat, kalau dia tak puas hati buat *taegeuk* enam, kalau awak tak buat awak tak lulus, kalau naik *black belt*. (Zulhakimi menyelit “kalau tak lulus satu *taegeuk* pun tak lepas ?”) ye sebab tu kena ingat, baru boleh ambil periksa. (yusuf “sebab tu lain *practice sparring* dengan –”) (Encik Yee “ye lain”). Jadi kalau naik tali pinggang ni senang, buat *basic*, *taegeuk*, ingat, boleh ambil periksa, cukup tempoh tiga [3] bulan tu.
- MY : **Naik *black belt* senang ?**
- EY : Sekarang senanglah, kalau *sparring* lagi susah sebab *stamina* kena cukup, lepastu kena ada kepantasan, kekuatan, ketahanan otot, lepas tu hati lah kena berani pula. Kalau kita *stamina* ada, tapi kepantasan takde, tak boleh juga – kekuatan takde, tak boleh juga, ketahanan takde, tak boleh juga. Macam kepantasan *dak* (kan), semua tu cukup, pergi lawan tak perlu takut dah, sebab kalau kita ada kepantasan, orang serang kita sekali, kita boleh balas dua [2] kali, kita boleh balas tiga [3] kali, buat apa kita takut *dak* (kan) sebab kita pantas, dia serang sekali kita balas tiga [3] kali, jadi nak cukup semua tu susah.
- MY : **Jadi kalau student ni kalau dia nak cukupkan satu-satu, kepantasan — apa dia kena buat ?**

EY : Latihan lah, *stamina jogging* tu (yusuf menyelit “itu untuk *stamina*”) kita buat lah angkat lutut cepat, untuk kepantasan, ketahanan. Macam tempat saya sini saya buat hari Jumaat lah, memang penat lah budak- budak malam tu, kena buat *sit-up*, kena lompat kena banyak kali, banyak set — kalau yang tak biasa, baru datang — pening kepala lah, muntah lah — air air, dek ( Encik Yee mempelawa meminum air yang di jamu)

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: SEJARAH/PENGALAMAN**

MY : Macam mana *feedback family* ataupun sokongan daripada luar berkaitan Taekwondo ni ?

EY : Sokongan tu bagus juga lah, sebab kalau di sekolah tu cikgu taknak budak (yusuf menyambung “liar gitu”) ha liar ke, campur kawan yang tak baik ke – bila Taekwondo ni dia berdisiplin. Kalau ibu bapa yang faham tu dia nak anak- anak dia betul-betul latihan, yang berbakat pergi kejohanan, ada sijil tu dapat markah juga kat sekolah, lepas tu naik juga nama sekolah, nama cikgu pun naik juga yang jaga Taekwondo tu, guru besar pun dia tu — juga, naik nama sekolah. Jadi anak anak yang pergi sekolah pun dia berdisiplin, tak liar tidak bergaduh sana tak bergaduh sini — jadi dia cerdik lah sikit kalau orang khianat dia pun, bukan dia bergaduh pun, dia bagitahu cikgu sebab saya selalu pesan kalau khianat, bagitahu cikgu lah — dah latihan, pergi kejohanan, pergi lawan kalau nak bergaduh — ada undang-undang dia,

ada peraturan, *buleh* (boleh) pingat, ada sijil, ada faedah lah, jangan buat benda yang bodoh gitu (begitu), (yusuf menyambung “di saluran yang betul lah”)

MZ : **Setakat ni takde lah pelajar Encik Yee yang bergaduh ?**

EY : Tiada, tiada setakat ni, yang kita tahu lah setakat ni

MY : **Encik Yee boleh cerita sikit sejarah Taekwondo, apa yang Encik Yee tahu — sejarah Taekwondo ?**

EY : Yang saya tahu sikit sikit lah, Taekwondo ni hanya satu [1] saja (yusuf menyelit “WTF tu”) dulu tiada WTF tiada ITF, dulu sebelum nama Taekwondo tu nama dia “Taekkyon” di Korea, lepas tu baru dia tukar ke “Taekwondo”. Lepas tu pulak atas yang penyebar tu dulu General Choi Hong Hee nama, keluar dari Korea datang ke Malaysia bawa nama Taekwondo ni, lepas tu dia berpecah tu saya tidak pasti macam mana berpecah jadi ‘WTF’ ada ‘ITF’ kalau ‘WTF’ tu ibu pejabat dia di Seoul Korea selatan dak (kan), kalau yang ‘ITF’ di Austria yang saya tahu.

MY : **‘ITF’ nama short form untuk — ?**

EY : International Taekwondo Federation (yusuf menyelit “kalau WTF, world — ” ) (Encik Yee menjawab “World Taekwondo”) lepas tu yang berpecah daripada ‘ITF’ tu yang boleh jadi ‘GTF’ lah, ‘MITF’ lah, dia Malaysia ni bila ‘ITF’ ni dia bergaduh, dia pun keluar, buat ‘MITF’ tambah Malaysia International Taekwondo— di luar ada ‘GTF’ tapi benda tu sama, *pattern* sama (Yusuf menyelit “nama saja lain”) ye nama sahaja lain. Macam silat dak (kan) gayung pun banyak dak (kan), gayung fatani, gayung pusaka, gayung Malaysia — asal dulu tu satu [1] saja, Silat Gayung.

MZ : **Encik Yee pandai silat ?**

EY : Silat tak pandai, cuma baik lah dengan jurulatih tu sebab kalau daripada Pasir Mas

ni Gayung fatani cikgu Khairuddin, anak dia pernah hantar kepada saya ajar Taekwondo (yusuf menyelit “ayah dia ajar gayung fatani, dia hantar anak dia belajar —”) dia hantar anak dia belajar Taekwondo dengan saya ( Encik Yee tergelak kecil) hok tu (itu yang) boleh kenal tu, kalau Gayung Malaysia dulu — orang panggil Pokjak jalan PCB nu, dah meninggal dah, kalau Gayung Pusaka sekarang cikgu Halim, Wakaf Bharu, dia lain sikit cuma seakan-akan sama, kalau Gayung fatani dia lebih ke tarian, banyak sikit. Semua seni tu bagus cuma atas pengamal, atas latihan, yang pentingnya disiplin saja lah, kalau takde disiplin, *training* lah seni apa pun — tak jadi

MZ : **Waktu Covid kan, Encik Yee mengajar tak?**

EY : Covid tak boleh, kita ikut saluran yang betul, tak boleh nak ajar lah, Jadi masa Covid tu saya melukis lah gambar ni, nak menghilangkan *stress* (yusuf mencela “mengisi masa lapang” )— mengisi masa lapang. Bila kerajaan keluar kelulusan mengajar — notis, baru kita *start* balik, duduk rumah gak (juga) melukis sajalah.

MY : **Ada terjual masa Covid ?**

EY : Ada, ada— (Yusuf bertanya “Encik Yee guna *platform* apa untuk jual contohnya mulut ke mulut ke ?”) — *online* lah, kalau lukis lukis masuk *Facebook* (Zulhakimi bertanya “*Facebook je*”) lepas tu saya ada melukis-lukis kat luar nu (tu) ada juga, kat — besar *nu* (tu) — Pok Mat pulau pisang tu, pernah pergi ? (Encik Yee bertanya (Yusuf terpinga-pinga — “pok mat pulau pisang ?”) Pok Mat pulau pisang kan kedai sohor (terkenal) kan, tapi mahal lah tempat dia tu, makan ke minum saya pernah lah, sebab saya masuk bawah persatuan bawah pesta lukis Kelantan. (Yusuf bertanya “area mana tadi ?”) Encik Yee menjawab “Kuala Besar Pak Mat pulau pisang” dia

buka restoran dia ada ruang siti, persatuan lukis ni gak (pun) pergilah melukis kat sana seminggu dua [2] kali tiga [3] kali, saya pun join sekali lah.

MZ : **Siapa yang boleh datang siapa-siapa je ke — tak kisah umur berapa pun ?**  
(yusuf menambah “semua lapisan umur”)

EY : Kalau yang umur 30 lebih tu takde lah, mungkin dia malu juga nak bercampur dengan budak, kalau yang dua puluh lebih tu ada, yang sekolah kat lotah tu apa — dekat dengan Lotus Kota Bharu tu, — institut apa ke situ — (Yusuf meneka “*Polytech* ? KPTM ?”) ada belajar situ (yusuf mencela “jauh belajar mari sini”) mari-mari banyak kali tu, *sparring* — sakit tu, lama dah tak mari (Yusuf dan Zulhakimi geli hati dan tergelak santai)

MY : **Kalau belajar *sparring*, *sparring* dengan *opponent* ke atau cikgu ?**

EY : *Sparring* dengan budak sini lah, cuma nya saya *akey* (akan) macam mana — macam teknik — dia orang *sparring* lah.

MZ : **Kalau yang umur dua puluh [20] tu ada ke yang boleh kejohanan apa apa ke ?**

EY : Itu saya tidak pasti lah sebab yang lawan dia tu, budak saya tu tingkatan tiga [3] je, (Zulhakimi menanya sambil tertawa “kalah dengan budak tingkatan tiga ?”) dia kena banyak kali lah, dia kena- kena lepas tu sakit kan lepas tu dia tak mari lah, lama dah tak mari (Yusuf menyelit “ bak kato kelate kena katok ” sambil tertawa kecil) jadi *sparring* bukan supo (macam) betul betul tu dok (tak), *control*, tapi kebetulan kan kena muka — sakit la sikit, kalau kena kaki tangan tu dia ada *guard* apa kan —

MZ : **Dia datang terus *sparring* ke atau dia ada belajar-belajar — ?**

EY : *Dok* (tak), dia belajar dah, kat sana ada belajar dah, dia kata nak *training* tu lebih ke *sparring*, dia kata tempat dia latihan tu kurang *sparring*, mungkin di ajar tu *basic*

untuk naik tali pinggang — saya tak pasti lah, pah (lepas tu) dia kata mari (datang)  
sini nak belajar *sparring*.

MY : **Untuk kelas tadi— kelas Taekwondo, Encik Yee kata tadi hari Ahad, Sabtu,  
Isnin, Selasa, Rabu — yang saya dengar tadi lah.**

EY : Saya buat kelas Ahad malam, macam hari ni Isnin petang, Rabu, Khamis, Jumaat tu  
malam. Lima [5] kali seminggu.

MZ : **Cuti hari apa ?**

EY : Cuti hari Selasa dengan Sabtu.

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: SEJARAH TOKOH**

- MY : **Bila Encik Yee boleh *start* mengajar**
- EY : Mula mengajar ni ? tahun sembilan puluh [90], tahun sembilan puluh [90] tu tak dapat lagi sijil jurulatih tapi boleh ajar lah, dulu tidak strict sangat
- MY : **Encik Yee sebelum mengajar tu, Encik Yee ada pengalaman lama dah ?**
- EY : Taekwondo tu, kalau kita nak mengajar — kita kena ingat, kena ingat *basic*, kena ingat *pattern* dia, *Taegeuk* kena ingat, tapi kalau boleh gak (pun) biar ingat *self-defence* pun kena ingat — banyak lah cara cara tu sepatutnya kita kena ingat, sebab saya dulu bukan Taekwondo saja saya belajar, belajar *boxing* siam lah, tinju —, kita minat lah seni bela diri, tidak kata Taekwondo saja. (yusuf bertanya “yang paling banyak Encik Yee ingat Taekwondo lah kan”)
- MZ : **Pernah Encik Yee terfikir nak berhenti jadi Guru Taekwondo**
- EY : Setakat ini takde lagi lah, (yusuf menyambung “masih —”) “ masih larat lagi lah” Encik Yee menjawab, mungkin kedepan tu kalau dah tak larat mungkin berhenti lah. (yusuf menyambung “kalau berhenti pun mungkin sebab alasan tak larat—”) mungkin kita tua, tak boleh nak tendang apa gak (juga) (yusuf mencela “bukan hilang minat ke —”) minat tu terus ada
- MZ : **Sepanjang Encik Yee melatih ni ada dapat sijil atau apa apa pengiktirafan agensi ke datang sini ? (yusuf mencela “saya ada nampak *certification* belakang tu” sambil menuding ibu jari ke arah belakang Encik Yee)**
- EY : *certificate* tu setiap tahun, itu yang lama dah, yang tahun ni ada, saya tak — setiap tahun tu kena pergi ambil macam sijil kejurulatihan.

MY : Selain daripada ni, Encik Yee ada dapat apa apa lagi *certification* ?

EY : Takde.

MY : Atau memang mana mana tempat pun takde buat macam tu ?

EY : Tiada, jurulatih terbaik ke apa ke tiada — memang tak buat.

## TAMAT BAHAGIAN 5

## BAHAGIAN 6: PENGALAMAN TOKOH

MY : Soalan seterusnya ini, nak tahu lebih detail lagi macam mana perjalanan Encik Yee jadi Guru Taekwondo, setakat ini kita tahu Encik Yee jadi guru Taekwondo *start* tahun sembilan puluh [90] kan, boleh tak Encik Yee cerita detail lagi bila *start* boleh ajar orang ?

EY : Latihan tu kena buat sendiri juga lah, cara cara tu — macam kita nak ajar ni, kita kena tahu mula mula ambil *exercise* macam mana, *exercise* pun kena betul cara juga, *exercise* mengikut yang Sains Sukan benarkan, yang Sains Sukan tak benarkan kita tak boleh nak buat nanti budak cedera, kalau dulu lain, dulu buat stretching kepala lepas buat boleh pusing “krong krak bunyi” (bunyi memusingkan leher sehingga mengeluarkan bunyi yang *crunchy*) tapi mengikut Sains Sukan dia tak bagi, jadi kita ikut apa yang Sains Sukan benarkan, macam “jalan itik” (aktiviti jalan sambil mencangkung) dia tak bagi dah sekarang, jurulatih kena ada juga Sains Sukan sekurang-kurangnya tahap satu [1] ke, lulus Sains Sukan, kena tahu peraturan kita buat tu betul ke tak betul, kita takut budak balik cedera. Kalau kita buat pun tak betul

macam nak ajar biar betul macam mana dak (kan), macam kita ajar budak kat sekolah juga, kalau kita tak ada disiplin macam mana kita nak ajar budak berdisiplin, jadi bukan semua jurulatih tu betul, ada juga dalam jurulatih Taekwondo ni yang tak betul. Kalau kelas pukul lapan [8] — sampai, lapan lima belas minit [8:15] — tak betullah tu, macam saya kalau kelas hari Jumaat di Machang pukul tujuh lima puluh [7:50], pukul tujuh setengah [7:30] saya kena sampai dah di Machang. Pukul enam pagi saya kena keluar dah daripada rumah, lima setengah [5:30] kena bangun dah. Jadi kena sampai awal la, sebab Machang tu jauh, kena berhenti makan lagi.

MZ : **Encik Yee Drive ke sorang ?**

EY : Sebelum saya sakit tangan saya pergi lah sorang, lepas saya sakit tangan ni isteri saya lah

MY : **Berapa lama dah — tangan ? [Encik Yee mengalami kecederaan di urat pada jari telunjuk dan baru saja menjalani pembedahan pada bahagian jari yang tercedera]**

EY : Kena hari Rabu hari tu, sepuluh [10] hari lebih dah loni (sekarang)

MY : **Macam mana boleh terhiris pisau—? (Encik Yee mencela “terkena ?”)**

EY : Saya cincang batang pisang, batang pisang besar lah, jadi cincang tu pegang bahagian sini (ambil menunjukkan arah mencincang) nak bagi halus-halus nak bagi ayam makan, jadi tak tahu macam mana boleh kena atas ni (luka di jari Encik Yee berada pada bahagian atas jari telunjuk sehingga menyebabkan tali urat putus) kena sini — jadi jari pun jatuh — tak boleh nak angkat, kalau boleh angkat tu tidak perlu pergi hospital pun, biasa luka luka tu kita buh (letak) ubat balut jah (saja) ini sebab putus urat ni kena pergi (yusuf menyampuk “kena betulkan dulu”) —kena pergi

pakar la, kalau doktor biasa tak boleh jugak, kena pakar tulang — dia cari urat ni dia sambung balik (Zulhakimi bertanya “ni sekarang ni okey dah ?”) — ni okay lah, cuma nak bergerak kuat tu tak boleh lagilah sakit, ni dua puluh satu haribulan [21] hari Khamis pergi buang benang ni, lepas buang benang tu pergi Kota Bharu pulak jumpa pakar dia nak *check* tengok, sambung urat tu macam mana.

MZ : **Pasal pengalaman tadi kan, ada Encik Yee yang tak best ?**

EY : Kalau dulu, kadang-kadang kita pergi ajar kat sekolah, ada orang pergi kacau lah — macam-macam (yusuf menyelit “kacau macam mana ?”) kacau lah macam nak — nak lawan dengan kita ke, dulu saya ingat saya pernah mengajar sampai Kuala Krai di sekolah menengah, jadi sebab kita mengajar dulu kat padang, ada lah budak-budak yang tidak sekolah — budak-budak luar campur dengan budak sekolah tingkatan empat [4] tingkatan lima [5] gak (juga) datang nak ganggu ni — nak cubalah — cuba lawan dengan kita, macam sekolah tu kalau silat pergi buka hari ni, gaduh hari ini, minggu depan tutup — jadi dia orang tu kacau macam tu. (yusuf menyampuk “menyusahkan lah kiranya”) ye lah samseng kira macam tu, cuma dia pergi *likung* (mengerumuni/ pergi secara beramai-ramai) saya tidak pasti tingkatan empat [4] ke tingkatan lima [5] ke tapi campur dengan orang luar lah yang tidak sekolah dah pergi, kalau seorang dia tak berani dia pergi lapan [8] orang (Yusuf bertanya “masa ni Encik Yee umur berapa ni ?”) Encik Yee menjawab “tak ingat sembilan puluh [90] berapa, (Yusuf menyambung semula “tahun sembilan puluhan [90] juga lah). Jadi bila *ngajar* (mengajar) sebab saya tak perasan budak budak ramai *dak* (kan) — mengajar kita pandang sini (ambil memalingkan arah ke hadapan) jadi kita perasan lah budak tu — tidak pandang kat sana ni, dia pandang ke tepi — kita pun tengok lah,

tengok tu lapan orang datang, dia orang macam dalam kalangan dia orang lah “awak masuk lah, awak masuk lah” lepas tu saya tanya lah “kenapa ? nak tolong ajar Taekwondo ke ?” lepas tu dia kata ‘tak boleh nak ajar sebab pakai seluar ‘jeans’ Encik Yee menjawab “takpe pakai seluar jeans, boleh tolong ajar” ujar Encik Yee, Encik Yee bertanya lagi “awak nak bergaduh dengan saya ke ? masuk lah” (Yusuf bertanya “lepas tu ?”) Encik Yee menjawab “tak berani” (Yusuf dan Zulhakimi tergelak kecil) sebab kita ni bila kita ajar Taekwondo tu kan, kita *confident* apa yang kita belajar, kalau lapan [8] orang tu — pun, kita tak takut sebab kita belajar. Kalau lapan [8] orang pun, masuk seorang, sekali kita tumbuk ke mesti jatuh, jangan sampai dua [2] kali tiga [3] kali tak jatuh, tak boleh— cuma kita tak takut, yang kita takut terbunuh. Kalau kita kena pukul kita tak takut, biasa dah kena tendang kena pukul – biru apa semua biasa dah. kita kena pukul takpe, kita takut terbunuh orang. Jadi cara bela diri tu ada contohnya kalau ada pegang tangan letak pisau— minta beg duit – apa kita nak buat, jadi semua tu ada teknik. Tak sama dalam gelanggang, dalam gelanggang ada *referee*. Jadi yang teknik-teknik tu penting juga lah untuk kita belajar, sebab bila kita keluar kita tidak tahu siapa baik siapa jahat dak (kan), macam perempuan musuh dia lebih banyak musuh lelaki dan musuh perempuan, kalau orang lelaki *dak* [kan] musuh dia satu [1] *jah* (sahaja), lelaki. Sekurang-kurangnya boleh lepaskan diri, lari pun takpe *doh* (dah). Jadi jurulatih saya dulu ajar saya bukan untuk bergaduh, ajar teknik lepas tu kalau boleh lari kita lari, pertama sekali (Yusuf menyelit “lari”) kalau boleh, – kita pun tak sakit. Jadi sekurang-kurangnya kita tahu juga lah teknik teknik untuk melepaskan diri tu macam mana, takut tempat yang kita tak boleh lari, yang boleh lari tu baik kita lari lah, Encik Yee

menyambung “tiada guna bergaduh ni” kalau bab orang minta duit kita sepuluh ringgit [RM10], kita ada sepuluh ringgit [RM10] bagi sajalah, tak perlu gaduh-gaduh *dak* (kan). Macam dia mari pegang tangan minta sepuluh ringgit [RM10], “tak bagi saya tumbuk” takpe lah ada duit bagi sajalah — *nok* (nak) semua, beg beg semua nak – tak bolehlah macam tu (Zulhakimi gelak manja “hahaha”).

## TAMAT BAHAGIAN 6

### BAHAGIAN 7: SUMBANGAN

MZ : Sepanjang Encik Yee jadi jurulatih ni ada tak Encik Yee cedera masa berlatih ke— ?

EY : Cedera macam jari tu adalah, terseliuh (Yusuf bertanya “kalau terseliuh Encik Yee betulkan sendiri ?”) – terseliuh lah, terseliuh gak bengkak jari dua [2] tiga [3] minggu. Kalau macam urat pergelangan kaki ke lutut ke, siku ke sakit boleh lah, sebab saya ambil kursus dulu bahagian tu, kursus bahagian kecederaan, dia ada bahagian urat lah, kalau budak lawan lawan tu jatuh – tak boleh nak bengkok lutut, sakit kat lutut ke kita boleh lah tahu urat dia tu, kita pergi urut kat urat dia tu lah, urut urut sekejap boleh bengkok, boleh bangun lah.

MZ : Kiranya Encik Yee memang tak pernah bergaduh lah.

EY : Bergaduh kat luar tidak pernah. Tidak pernah kata orang datang tu – serang serang macam tu, tak. Kadang-kadang pergi tampar budak tu adalah (Yusuf dan Zulhakimi tergelak kecil) tampar orang luar lah, ada yang macam tu pergi kacau kat Taekwondo ni ada— macam kat sekolah Sultan — ni ada, dia pergi kacau budak ni, kata kata yang tak elok lah untuk budak perempuan ni, macam kita buat exercise buka kaki dak (kan), tunduk – dia cakap macam macam lah, dia orang empat [4] ke atau lima [5] dia duduk kat pondok jaga, pondok jaga yang belum siap lah — budak sekolah dengan yang budak luar juga lah, sekolah lain, bukan sekolah tu, jadi saya mengajar tu dia duduk tengok ikut ikut saya cakap tu, macam saya — tunduk kiri dia pun ikut – saya bilang satu [1] dua [2] dia pun ikut, saya pun tengok nak tahu yang mana seorang, tengok – dia pun diam, dia cakap macam-macam lah saya tengok— saya pergi *gak* (juga) – pegang baju “ Phaang” saya bagi — (ujar Encik Yee sambil ketawa) kawan dia *gak* (pun) “– saya cakap dah diam awak tak dengar” (Yusuf dan Zulhakimi suka dan tergelak mesra) jadi saya pun pegang baju angkat tangan “minta maaf pakcik minta maaf minta maaf” (ujar budak tadi kata Encik Yee) saya tanya awak sekolah mana ? sekolah SMP dia kata bukan sekolah SIS tu, sekolah lain. Jadi saya pun tanya lah “awak tingkatan berapa ?” tingkatan lima [5], cikgu awak tak ajar ke disiplin ? “ajar” (ujar budak lelaki tadi kata Encik Yee) dah tu awak kurang ajar ni macam mana ? “minta maaf minta maaf” (ujar budak lelaki tadi menurut Encik Yee) (Zulhakimi tergelak suka) Jadi kita pun tidak tumbuk dia cuma pegang, angkat tapi (Yusuf mencelah “boleh bagi kalau nak bagi”) kita tahu lah kalau kita bagi takut pengsan situ jadi satu masalah pula, jadi kita tahu apa yang kita buat, kita pergi kita tampar dia.

- MZ : **Tahun bila tu ?**
- EY : Lama dah, mungkin — lima belas [15] tahun pun ada dah — lebih — lama dah lah.
- MZ : **So Encik Yee Muay Thai jela yang masuk stage, Taekwondo ada gak (juga) masuk apa apa pertandingan ?**
- EY : Dulu ada lah masuk kejohanan Taekwondo sebelum ngajar (mengajar) tu, sebelum buka kelas tu ada lah, saya masuk Muay Thai tu saya ngajar (mengajar) Taekwondo dah, — Muay Thai, naik stage kat Wakaf Bharu, kat —, kat Kuala Krai (Yusuf menyambung “biasa dah la”) tapi Muay Thai lebih sakit lah daripada Taekwondo, jadi biru habis ni kaki — sebab Muay Thai bebas — tendang bawah, boleh tumbuk, boleh siku, bebas, boleh lutut. Taekwondo, siku tak boleh, lutut tak boleh, tendang bawah tak boleh, — peraturan lah, undang-undang dalam kejohanan tu
- MZ : **Ada menang apa apa ke ?**
- EY : Ada lah menang tu, ada kalah, banyak- banyak kali kita naik tu ada menang ada kalah. Kalau Muay Thai tu dia buat kat Kelantan ni dia dapat duit, tak macam Taekwondo. Taekwondo dapat medal, dapat sijil dapat medal. Muay Thai ni takde sijil cuma dapat duit kalau dulu, yang menang dapat lima ratus ringgit [RM500] kalau yang kalah dapat tiga ratus [RM300] (Yusuf menyampuk “eh yang kalah pun dapat duit ?”) kalah pun buleh (dapat) duit (ujar Encik Yee) atas pengajur lah, kadang-kadang yang kalah dapat tiga ratus [300], kadang-kadang dua ratus [200], kadang-kadang yang menang tu lima ratus [500] kadang-kadang enam ratus [600], tidak tentu. (Zulhakimi menyelit “ikut pengajur”) Jadi Muay Thai dia cuma — dia tidak macam Taekwondo lah, Taekwondo ni dia banyak misalnya “*fin weight*” ada dua puluh [20] orang, jadi nombor satu [1] nak seorang sahaja *dak* (kan) jadi lawan-

lawan, menang – kena lawan lagi – menang – menang lawan lagi – banyak — Taekwondo, kalau Muay Thai sama seorang *jah* (sahaja) lawan menang, menang. Lawan kalah, kalah. (Zulhakimi dan Yusuf mengangguk faham “oh yeke macam tu ke”) yalah, cuma dia lima *round*, satu *round* tiga [3] minit, rehat satu [1] minit — jadi, habis kita lawan tu kalau takda K.O (*knocked out*) *gak* (juga) dalam lima [5] *round* tu *gak* (juga) lima [5] *round* tu sahaja lah, habis lah. Kalau Taekwondo kita lawan , menang, kena lawan lagi sebab ramai ni, tidak sama macam Muay Thai. Kalau dalam Taekwondo kalau ramai nak buleh (dapat) pingat emas tu, mungkin banyak kali kena lawan.

MZ : **Encik Yee pernah dapat pingat emas ?**

EY : Dulu-dulu lah, ada yang pingat emas, ada yang tidak dapat — kejohanan tu banyak, ada yang dapat gangsa, ada yang dapat perak.

MY : **Berapa banyak *opponent* masa tu ?**

EY : Tidak banyak mana, mungkin tiga [3] kali empat [4] kali sebab kalau satu *bout* dua *round*, kalau dua *round* tu seri, kena lawan yang ketiga [ke-3], Jadi kalau kita lawan tiga *round* – menang – kena lawan lagi *bout* yang seterusnya nuh (tu).

MZ : **Yang paling terbaru Encik Yee – ?**

EY : Yang paling terbaru dulu selepas lawan Muay Thai lah, “eh tak minum air awak ni ? minum air” (ujar Encik Yee mempelawa kami minum air)

MZ : **Tadi Encik Yee belajar Muay Thai bila ?**

EY : Belajar Muay Thai ni masa belajar Taekwondo lagi, sebab kita minat kita belajar Taekwondo kat Kota Bharu. Belajar Taekwondo tu malam, jadi petang – tika (ketika) tu saya kerja kat Kota Bharu, habis kerja kat Kota Bharu pergi kat Tumpat, belajar

Muay Thai dengan orang Siam sana. Habis kerja pukul lima setengah [5:30] terus pergi Tumpat, tidak balik rumah. Belajar dengan kawan kat sana, jadi kita minat lah seni bela diri.

MY : **Biasa orang habis kerja balik rumah terus tidur (Zulhakimi menyambung “maksudnya Encik Yee memang minat lah”) dah habis satu, belajar lagi – patutlah boleh ajar orang.**

EY : “haha” ( Encik Yee tergelak kecil), sebab kalau kita sendiri tak tahu, macam mana nak ajar —. (Zulhakimi “ ini Bruce Lee dak” sambil menunjuk ke arah sebuah lukisan yang di lukis oleh Encik Yee)

MZ : **Kung Fu boleh Kung Fu ? (tanya Zulhakimi sambil gelak kecil)**

EY : Kung Fu tak bolehlah, kita tak pernah belajar, kalau dulu dia panggil *Shaolin wocho*, *Shaolin wocho* tu pernah belajar tapi habis, – tu dia tentang saraf, pukulan kat saraf, jadi kita tahu sikit lah teknik tu, macam kita pegang kat mana boleh sakit. Jadi bila kita buat teknik tu orang serang, kita elak, kita pegang – *automatic* dia terlepas sebab kita tekan tu kat urat, tangan yang pegang senjata *automatic* terlepas, kita tanya kenapa dia kata “sakit”

MY : **Macam mana Taekwondo boleh memberi sumbangan kepada masyarakat?**

EY : Untuk bela diri lah yang penting, untuk perempuan yang penting.

MY : **Kalau perempuan kenapa ?**

EY : Kalau perempuan tu biasalah, memang musuh dia lebih banyak lah perempuan

## TAMAT BAHAGIAN E

## **BAHAGIAN F: HARAPAN**

- MZ : **Encik Yee ada nasihat tak untuk generasi muda yang berminat atau sedang mempelajari seni bela diri**
- EY : Kalau belajar biar habis lah, jangan kata belajar – separuh tu berhenti, tak kira lah seni apa pun. Semua seni bagus, takde seni yang tak bagus, yang penting diri kita sendiri, disiplin kena ada, disiplin pada diri sendiri, kalau takde disiplin belajar lah sepuluh seni bela diri pun — tak jadi, lepas tu kena hormat lah, taknak lah gaduh-gaduh, yang penting berkawan tu. kalau kawan ramai takpe dak (kan) bebas nak pergi mana-mana— yang penting tu berdisiplin je lah, kita belajar memang belajar untuk mempertahankan diri (Yusuf menyelit “*self-defense*”) – *self-defense* tu yang penting (ujar Encik Yee).
- MY : **Sepanjang Encik Yee mengajar Taekwondo ni, ada tak perkara yang Encik Yee belum capai ?**
- EY : Takde, (Yusuf bertanya “semua tercapai dah ?”)
- MY : **Antara yang dah tercapai apa ? boleh Encik Yee share [kongsi] ?**
- EY : Yang tercapai tu, kita ajar Taekwondo – murid kita tu lah, pergi bertanding dapat pingat, kadang-kadang pergi luar negara. Saya pernah bawa budak saya tu pergi bertanding kat Vietnam — ada sijil lah, saya tak ingat dah tahun berapa – gambar-gambar apa ada kat dalam (sambil menunjukkan tempat *gallery* dan *collection* gambar Encik Yee) — murid sekolah SK Hamzah satu [1], Machang, yang boleh

bawa pergi tu mula mula guru besar dia, guru besar dia tu kata “ada tak kejohanan luar negara” “sebab nak bagi naik nama sekolah” ujar guru besar tadi, saya kata nantilah, saya tengok dulu pihak persatuan, ada *dak* (tak) kejohanan. Kebetulana ada kejohanan “ITO” International Taekwondo club, dia buat tahun depan, dia buat di Ho Chi Minh, saya pun bagitahu lah guru besar “tahun depan tu ada, saya tak ingat bulan berapa” — tiga puluh berapa buah negara — Australia, Hong Kong, Chinese Taiping, India, Uzbekistan — banyak lah, jadi guru besar tu pun kata takpalah, tahun depan kita akan hantar dia kata — jadi guru besar pun sungguh la, saya pun sungguh la ajar-ajar budak tu, seorang *jah* (saja) ada yang betul-betul *buleh* (boleh) tu, budak darjah enam [6] budak perempuan nama Nur Athirah, masa tu dia tali pinggang hijau saja tapi kita kena tahu kalau bawak *gi* (pergi) mesti lawan black belt, tapi kita yakin kita latih juga sebab nak lawan tahun depan *dak* (kan), jadi kita pergi lah lawan tu dua orang saja lah bawak — Nur Athirah seorang, seorang lagi lelaki tu nama Amir Muhammad Tarmizi daripada Tanah Merah — murid saya juga tu dua orang tu, sampai masa tu pergi lah Vietnam, budak yang perempuan tu *buleh* (dapat) pingas emas, budak yang lelaki tu tak *buleh* (dapat) jadi memang bagus la budak perempuan tu kita latih buat tendangan kiri boleh buat macam macam teknik — dia dengar kata, kita jadi *coach* kalau kita cakap apa dia ikut, yang tu yang senang tu. Kalau budak lawan ni kadang-kadang dia *mari* (datang) takut – apa – kita cakap lah apa pun dia tak ikut juga, dia ikut dia *jah* (saja) kalau kita kata elak tendang dia tak buat, macam kita nampak dah lawan nak serang apa — awak tunggu jangan masuk, bila dia tendang, awak buat *side step*, *turning kick*, *chop*, jadi setengah budak dia ikut yang kita cakap, bila yang — dia buat *side step*, *turning kick*, *chopping kick* — kita nak

yang tu, dia ikut kita, bukan cakap, dia ikut dia nak tendang – apa-apa— jadi budak ni kita yakin *buleh* (dapat) pingat, tapi tidak pasti pingat apa. Jadi pergi tu dia lawan lawan lawan tiga [3] empat [4] kali juga lawan nak *buleh* (dapat) pingat emas tu, *last-last* tu *final* tu sama-sama dengan Malaysia (kedengaran suara Yusuf “Malaysia lawan Malaysia?”) sebab yang daripada Kuala Lumpur pun ada juga *club* lain daripada Kuala Lumpur, *club* persatuan lain — *final* tu dengan Malaysia juga, *semi-final* tu dengan Chinese Taiping,

MZ : **Encik Yee yang pergi sekali lah ?**

EY : Saya pergi dengan kawan Setiausaha Persatuan, Bendahari Persatuan pun pergi juga *pastu* (lepas itu) sekolah *nu* (tu) Guru Besar hantar Guru Penasihat lah – pergi juga, jadi naik nama sekolah tahun tu,

MZ : **Tahun bila tak ingat ?**

EY : Tahun bila tak ingat, ada — gambar kat dalam lepas ni boleh tengok gambar. Tahun dua ribu sebelas [2011] ke atau dua ribu dua belas [2012] saya tak ingat, selepas daripada tu saya ingat saya bawa budak tu jugak, pergi Jogjakarta, Indonesia tu. Budak tu kalah, *buleh* (dapat) perak, kalah dengan tuan rumah — lepas tu *gak* (pun) dia buat kat Australia, kat mana — saya tak pergilah, belanja tu lah mahal, sebab saya pergi pun keluar duit sendiri, bukan sekolah keluar duit bagi *dak* (tak) (Yusuf menyelit “*takde sponsor*”) sebab kita minat, lepas tu Cikgu sekolah tu pun dia semangat nak murid dia daripada sekolah tu pergi (Yusuf bertanya “ habis tu sekolah takde bagi ni— ”) tak bagi, — sekolah tu bagi ni – duit untuk budak tu *jelah* (sahaja lah)

MY : **Ni antara kenangan manis lah — kenangan manis dalam sepanjang mengajar,**

**jadi cikgu Taekwondo, bila anak murid kita — kira berjaya lah kan — apa yang kita ajar tu, dia ikut (Encik Yee menyambung “dia ikut, nak yang tu lah”)**

EY : Ada juga murid kadang-kadang pergi lawan, bila pergi lawan dia takut ataupun maksud dia *panic*, kita cakap apa pun dia tak dengar, dia tak ikut, dia tak buat apa yang kita bagitahu — yang tu susahlah. Coach sebelah sana pun dia bagitahu budak dia, kalau budak tu ikut kita, kalah — nasib lah, sebab kita dah bagitahu dah, yang coach sebelah sana pun dia ada bagitahu juga, dia pun nak menang juga *dak* (kan), yang kita tak puas hati kadang-kadang budak lawan dia tak ikut kita, kita cakap “jangan masuk” dia masuk juga, suruh tunggu, dia tendang juga. Kadang-kadang kita serang tak dapat markah, serang, tak dapat markah, dapat markah kat lawan, kita bagitahu budak kita ni jangan masuk, tunggu jah (saja), *counter jah* (saja), kalau budak tu ikut kita, kita pun puas hati *dak* (kan) sebab kita nampak dah budak tu nak buat apa. Jarang nak jumpa budak macam tu, (Yusuf menyelit “susah”) susah, kebanyakkan budak kita cakap kat luar sebelum lawan, awak masuk ni jaga — buat gini-gini (begini) — angguk-angguk, bila masuk sana dia kena tendang “pung pung” dua kali, dia pun jadi *panic*, kelam-kabut nak buat apa *dok* (tak) tahu, kita bagitahu pun dia tak masuk dah, dia takut *naling* eh (takut) berdebar, tak tahu nak buat apa, kita bagitahu *sapa* (sampai) serak tekak-tekak ni, tapi dia tak buat, dengan dalam stadium orang sorak kuat lagi, kita menjerit kuat — dia tak buat, kita tidak puas hati benda tu,

MZ : **Dia umur — darjah enam [6] eh ?**

EY : Athirah tu darjah enam [6], (Yusuf menyelit “susah nak jumpa eh”) susah lah, susah nak jumpa, sebab dia dengar kata, ada yang lawan *semi-final*, lawan dengan Chinese

Taiping, sebab sebelum lawan tu saya tengok lawan dia tu, budak tu duduk kat riba mak dia, duduk atas riba mak dia yang nak lawan Athirah ni, jadi kita boleh nampak dah situ, budak tu manja, tapi saya pun bagitahu kat Athirah, “Athirah, awak masuk, awak tendang biar kuat, bukan kita nak markah, nak bagi dia sakit”, sebab budak tu manja “awak masuk, tendang biar kuat, biar takde markah pun” – dia pun angguk la, jadi dia masuk terus tendang. Budak tu nangis, bila nangis awak nak lawan macam mana *dak* (kan) jadi *psychology* tu penting juga, kita kena tahu sebelum lawan tu kita tengok lawan ni budak mana, jadi kebetulan lawan tu duduk atas riba mak dia, kita tahu dah budak tu manja. Jadi menang mudah situ (Zulhakimi menyambung dengan gelak kecil “haha bijak-bijak”)

MZ : **Mana dah si Athirah ni ?**

EY : Sekarang ni saya tak pasti dia kerja ke atau duduk U (Universiti) saya rasa dah bekerja lah sekarang, kalau boleh Taekwondo ni daripada kecil (kecil) lagi, *start* daripada darjah satu [1] darjah dua [2], kalau misalnya tingkatan tiga [3] baru nak *start* Taekwondo, jadi susah sikit.

MY : **Sebab kalau nak pergi kejohanan kan nak — (Yusuf cuba meneka ayat yang hendak di cari Encik Yee tetapi gagal ditangkap dalam alat merakam suara)  
— sebab daripada kecil (kecil)**

EY : — sebab daripada kecil (kecil) ni, dia dah banyak kali dah dia lawan tu, kalau start darjah satu [1] lagi, darjah satu tu [1] dia lawan dah, setahun tu tak tahu berapa kali dah dia lawan, pergi lawan sana lawan sini, naik darjah dua [2] lawan sana lawan sini, dia dah biasa dah. Jadi dia masuk dia tahu dah apa dia nak buat.

MZ : **Kita pun dah di penghujung sesi temu bual, kalau takde apa apa – ke Encik**

**ada apa apa lagi nak dikongsi sebelum kita tutup kita punya temubual ?**

EY : Kalau belajar Taekwondo tu *gak* (pun) belajar lah biar habis, jangan belajar separuh-separuh, tak kira lah seni apa pun, semua seni bagus — jagalah diri, berdisiplin.

MZ : **Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman Encik Yee Chuan Hop, kami mengucapkan terima kasih atas kesudahan dan kerjasama yang diberikan oleh Beliau dalam menyempurnakan wawancara ini, adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam seni bela diri, para penyelidik pada masa akan datang, sekian terima kasih.**

# **RUJUKAN**

## **RUJUKAN**

- Ameer Hussain, J., & Salamuddin, N. (2019). EFFECTIVENESS OF MENTAL IMAGERY MODULE AMONG TAEKWONDO MARTIAL ARTS ATHLETES. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 140–153.  
<https://doi.org/10.35631/ijepc.4310013>
- Mohd, M., Sakinah, R., Binti, M., Mazlina, M., Khan, P., Iza, J., ... Perdana, K. (2020). Menelusuri Dunia Taekwondo. Retrieved from <https://islm.uitm.edu.my/pdf/417.pdf>
- PENGENALAN KEPADA TAEKWONDO. (2017, October 19). Retrieved from . website:  
<https://perisaimelakatkd.blogspot.com/2017/10/pengenalan-kepada-taekwondo.html>
- SAIFUL EDRIS, S. S. (2024). JOURNAL TAEKWONDO. Retrieved January 20, 2024, from Collegesidekick.com website: <https://www.collegesidekick.com/study-docs/865589>
- Says, M. A. B. Z. (2016, January 1). Belajar Taekwondo | Kenali Seni Mempertahankan Diri Taekwondo – Apa Itu Taekwondo? | Kelab Taekwondo Koryo. Retrieved January 19, 2024, from <https://kelabtaekwondokoryo.com/belajar-taekwondo-kenali-seni-mempertahankan-diri-taekwondo-apa-itu-taekwondo/>

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN 1 — LOG WAWANCARA

MASA	TENTANG	HURAIAN
<b>BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
00:58 – 12:25	Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama penuh Yee Chuan Hup</li> <li>• Berumur 56 Tahun</li> <li>• Mempunya nama samaran dalam Muay Thai iaitu “Naga Utara” kerana pernah menaiki stage untuk pertandingan</li> <li>• Dilahir dan dibesarkan di , Pasir Mas, Kelantan oleh ibu bapanya</li> <li>• Hobi melukis ketika waktu lapang</li> <li>• Bercita-cita menjadi seorang pelukis yang terkenal sejak kecil kerana meminati bidang tersebut.</li> <li>• Menjual beberapa lukisan hasil karyanya sendiri</li> <li>• Meminati pelbagai seni bela diri yang lain seperti silat, muay thai dan lain-lain.</li> <li>• Merupakan anak bongsu daripada 10 orang adik beradik</li> <li>• Fasih berbahasa melayu dan boleh bercakap bahasa Thailand.</li> </ul>
<b>BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN</b>		
12:30 – 15:30	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersekolah sehingga tingkatan 4 sebelum berhenti untuk memilih jalan yang lain.</li> <li>• Bersekolah rendah di SK Tanjung Bunga dan berjalan kaki untuk sekolah</li> <li>• Bersekolah menengah di Tendong</li> <li>• Sambung belajar di art advertising iaitu belajar buat papan tanda dan sebagainya</li> <li>• Mula mempelajari Taekwondo sejak tahun 1977 dalam darjah 5</li> <li>• Lee Ah Ming merupakan guru pertama yang mengajar beliau seni bela diri Taekwondo dan kemudiannya menuntut ilmu kepada guru yang kedua iaitu Benny</li> </ul>

### BAHAGIAN C: LATAR BELAKANG KERJAYA

15:35 – 57:05	Latar Belakang Kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bekerja di Sky Art sebelum berpindah ke modern art advertising iaitu sebuah syarikat seni melukis yang membuat papan tanda, no plat dan sebagainya.</li> <li>● Buka sendiri kedai yang membuat papan tanda di Pasir Mas</li> <li>● Mula mengajar Taekwondo pada tahun 1990 iaitu Ketika berumur lebih kurang 33 tahun sehingga sekarang</li> <li>● Belajar pelbagai jenis seni bela diri seperti tinju, Muay thai dan model anis (Philippines martial arts)</li> <li>● Beliau juga mengajar Muay Thai Ketika dahulu.</li> <li>● Pengalaman menarik sebagai seorang jurulatih ialah berjaya membawa anak buahnya memenangi pingat.</li> <li>● Encik Yee juga menyatakan bahawa pengadil di Malaysia berat sebelah berbanding di Thailand.</li> <li>● Menceritakan jenis-jenis tali pinggang yang ada dalam Taekwondo seperti tali pinggang putih, hitam dan lain-lain serta tahap tali pinggang tersebut.</li> <li>● Menceritakan bahawa Taekwondo ini meningkatkan tahap disiplin dalam diri pelatihnya.</li> </ul>
---------------	------------------------	--

<b>BAHAGIAN D: SEJARAH</b>		
57:08 – 1:43:39	Sejarah dan pengalaman dalam Taekwondo	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menceritakan bahawa dulu Taekwondo tidak berpecah seperti sekarang dan dulu dikenali sebagai Taekhyun tanpa ITF, WTF dan sebagainya</li> <li>• Jeneral Choi dari Korea Selatan merupakan pembawa Taekwondo ke Malaysia</li> <li>• Ibu pejabat ITF terletak di Austria manakala WTF terletak di Korea Selatan</li> <li>• Menceritakan pengalamannya di ganggu sekumpulan orang Ketika mengajar Taekwondo di sebuah sekolah.</li> <li>• Menceritakan Muay Thai lebih lasak berbanding Taekwondo.</li> <li>• Pernah memenangi pertandingan Muay Thai di Kelantan.</li> <li>• Menceritakan perbezaan format pertandingan Taekwondo dan Muay Thai</li> <li>• Pernah belajar Shaolin Ngoco iaitu tentang saraf-saraf manusia</li> </ul>
<b>BAHAGIAN E: SUMBANGAN</b>		
1:43:45 – 1:45:40	Sumbangan Taekwondo	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taekwondo dapat mendisiplinkan diri seseorang serta dapat bela diri daripada musuh.</li> </ul>

#### **BAHAGIAN F: HARAPAN**

1:45:45 – 2:00:00	Nasihat dan harapan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menasihati sesiapa yang sedang mempelajari seni bela diri Taekwondo untuk belajar sehingga habis</li></ul>
-------------------	---------------------	--

## LAMPIRAN 2 — DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00 a.m	11/10/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Puan Nurulanissa telah menerangkan tentang subjek ini iaitu “Oral History” dan Puan Nurulanissa telah membuat keputusan untuk menetapkan tema “Tokoh Artis Veteran” sebagai tugas projek kajian lisan untuk kami pada semester ini.</li> <li>● Puan Nurulanissa telah menerangkan tentang projek ini dan menyuruh kami untuk mencari tokoh yang sesuai dengan kriteria yang telah ditetapkan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kami mencatat maklumat-maklumat penting yang telah diterangkan oleh Puan Nurulanissa.</li> <li>● Kami telah memilih rakan sekumpulan kami iaitu 2 orang dalam satu kumpulan dan memikirkan tentang tokoh yang akan dipilih.</li> </ul>
1.30 p.m	12/10/2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Puan Nurulanissa telah memaklumkan kepada kami tentang perubahan tema projek kajian lisan pada semester ini kepada</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kami telah mencari tokoh-tokoh yang sesuai dengan tema yang diberikan oleh Puan Nurulanissa</li> </ul>

		“Tokoh Warisan Budaya dan Tokoh Kandungan Tempatan”.	
11.00 a.m	15/10/2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami telah melakukan pencarian tentang “Tokoh Warisan Budaya dan Tokoh Kandungan Tempatan” di dalam internet, media sosial dan bertanya kepada rakan-rakan atau keluarga tentang tokoh projek kajian kami.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pada awalnya kami telah memilih Maulana Wan Helmi sebagai tokoh kandungan tempatan sebagai mudir sebuah madrasah di Jerantut, Pahang</li> </ul>
2.00 p.m	22/10/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami telah berjumpa Puan Nurulanissa untuk bertanya tentang tokoh yang dipilih.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami telah mendapatkan persetujuan daripada Puan Nurulanissa berkaitan tokoh yang telah dipilih.</li> </ul>
12.15 p.m	19/11/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>Surat pengesahan untuk projek pelajar bagi subjek IMR604: Oral Documentation.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami telah menerima surat pengesahan daripada pihak HEA melalui email</li> </ul>

10.30 a.m	13/12/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang untuk menukar tokoh kepada tokoh seni bela diri di Kelantan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami telah merancang untuk menukar tokoh yang dipilih kepada tokoh seni bela diri di Kelantan iaitu Encik Yee Chuan Hup</li> </ul>
1.05 p.m	13/12/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanya kepada Puan Nurulanissa tentang perubahan tokoh yang telah dilakukan oleh kami melalui whatsapp.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami telah mendapatkan persetujuan daripada Puan Nurulanissa.</li> </ul>
5.05 p.m	13/12/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghubungi Encik Yee Chuan Hup untuk bertanya kesudian beliau untuk di temu ramah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami telah mendapat persetujuan daripada Encik Yee Chuan Hup untuk menemu ramah beliau</li> </ul>
2.50 p.m	14/12/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghubungi Encik Yee Chuan Hup melalui aplikasi whatsapp</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami telah berbincang dengan Encik Yee Chuan Hup berkaitan dengan tarikh, tempat dan masa temubual akan dijalankan.</li> </ul>

2.30 p.m	18/12/2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Temubual dijalankan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kami telah menemubual Encik Yee Chuan Hup untuk bertanya pengalaman dan kisah hidup beliau sebagai seorang tokoh jurulatih Taekwondo di Kelantan.</li> </ul>
4.30 p.m	18/12/2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Temubual selesai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kami telah berterima kasih kepada Encik Yee Chuan Hup di atas kesudian beliau untuk di temu bual oleh kami dan kami telah mengambil gambar sebagai bahan bukti temu bual kami.</li> </ul>

## LAMPIRAN 3 — SENARAI SOALAN

### SESI 1

#### **Ayat pembuka**

Salam Sejahtera Encik Yee Chuan Hup. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai **latar belakang dan pengalaman hidup sebagai seorang tokoh dalam bidang seni bela diri**. Bersama-sama kami ialah **Encik Yee Chuan Hup** yang merupakan seorang **guru Taekwondo**. Rakaman ini dijalankan pada tarikh **18 Disember 2023** bersamaan dengan hari **Isnin pada pukul 2 petang** bertempat di **, Pasir Mas, Kelantan**. Temubual ini dikendalikan oleh **Mhd Yusuf Bin Ahmad** dan **Muhammad Zulhakimi Bin Sabrey**. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

1. Apakah nama penuh Tuan ?
2. Adakah Tuan mempunyai nama samaran ataupun gelaran yang diberikan ?
3. Bilakah Tuan dilahirkan ?
4. Berapakah umur Tuan pada tahun ini ?
5. Dimanakah Tuan dilahirkan ?
6. Adakah Tuan membesar disitu ?
7. Tuan dibesarkan oleh siapa ?
8. Sekarang Tuan menetap bersama siapa ?
9. Adakah Tuan sudah berumah tangga ?
10. Pada tahun bilakah Tuan mendirikan rumah tangga ?
11. Berapakah bilangan anak-anak Tuan ?
12. Berapakah bilangan adik-beradik Tuan ?
13. Boleh saya tahu Tuan anak keberapa ?
14. Pada waktu lapang, apakah hobi yang Tuan suka lakukan ?
15. Mengapa Tuan menyukai hobi Tuan tersebut ?
16. Apakah cita-cita Tuan sejak kecil ?
17. Mengapakah Tuan memilih cita-cita tersebut ?
18. Apakah Tuan fasih bahasa lain selain bahasa Melayu ?
19. Adakah Tuan mempunyai rutin senaman untuk kekal sihat seperti mengamalkan yoga dan sebagainya ?

## **BAHAGIAN 2 : LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

1. Adakah Tuan mula mendapatkan ilmu mempertahankan diri ini sejak kecil ?
2. Dimanakah Tuan bersekolah rendah dan menengah ?
3. Pada tahun berapakah Tuan mula menceburui bidang ini ?
4. Siapakah guru yang mengajar Tuan tentang Taekwondo ?
5. Pada umur berapakah Tuan mempelajarinya ?
6. Adakah Tuan melanjutkan pelajaran ke Universiti ?
7. Dimanakah Tuan menyambung pelajaran ?
8. Apakah bidang yang Tuan pelajari ketika menyambung pelajaran ?
9. Mengapakah Tuan memilih bidang tersebut ?
10. Apakah matlamat Tuan ketika menerima tawaran untuk menyambung pelajaran ?
11. Adakah Tuan menyertai apa-apa pertandingan Taekwondo semasa sekolah ataupun di Universiti ?
12. Apakah pencapaian tertinggi Tuan dalam pendidikan ?

### **BAHAGIAN 3: PENGAMALAN KERJAYA**

1. Boleh kah Tuan menceritakan sedikit sebanyak tentang pekerjaan Tuan sebelum ini?
2. Mengapa Tuan memilih untuk pekerjaan tersebut ?
3. Berapa lama kah Tuan terlibat dengan pekerjaan seni bela diri ?
4. Dimanakah tempat permulaan Tuan mula menceburi seni pertahankan diri ini ?
5. Bolehkah Tuan ceritakan peristiwa-peristiwa yang menarik sepanjang Tuan menjalani pekerjaan Tuan setakat ini ?
6. Bolehkah Tuan ceritakan perkara yang menarik tentang pekerjaan Tuan ?
7. Bolehkah Tuan ceritakan tentang jenis jenis tali pinggang yang dipakai ?
8. Adakah terdapat pelbagai variasi seni pertahankan diri taekwando ?
9. Apakah perbezaan antara jenis-jenis variasi yang ada tadi ?
10. Apakah yang perlu dilakukan sebelum memasuki apa-apa pertempuran ?
11. Kebiasaananya berapa ramai dalam sebuah kumpulan ?
12. Adakah terdapat apa apa perkara yang perlu diambil tahu oleh orang awam sebelum hendak belajar seni pertahanan diri ?
13. Berapakah waktu yang diperlukan sebelum seseorang itu boleh dikatakan mahir dalam seni pertahanan diri ?
14. Berapakah anggaran jumlah bayaran sebulan jika ada ?
15. Berapakah waktu seseorang itu berlatih jika hendak perlu berlatih ?
16. Bagaimanakah sokongan atau pandangan keluarga dan orang luar berkenaan seni ini?

#### **BAHAGIAN 4: SEJARAH/PENGALAMAN**

1. Bolehkah Tuan ceritakan sedikit sebanyak tentang sejarah seni bela diri ?
2. Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap seni bela diri ini ?
3. Bilakah Tuan mula menjadi seorang guru Taekwondo ?
4. Siapakah yang boleh mempelajari ilmu tersebut ?
5. Berapa jam kelas berlangsung ?
6. Adakah yuran yang dikenakan dan berapakah jumlah yuran yang dikenakan ?
7. Adakah kelas tetap dijalankan semasa pandemik covid-19?
8. Hari apa kelas dijalankan ?

#### **BAHAGIAN 5: SEJARAH TOKOH**

1. Pada tahun bilakah Tuan mula menjadi seorang guru Taekwondo ?
2. Pernahkah Tuan berfikir untuk berhenti menjadi seorang guru Taekwondo ?
3. Sepanjang Tuan menjadi seorang guru Taekwondo, pernahkah Tuan mendapat pengiktirafan dari mama-mana agensi?

#### **BAHAGIAN 6: PENGALAMAN TOKOH**

1. Bolehkah Tuan menceritakan pengalaman Tuan dalam menjadi guru Taekwondo ?
2. Bagaimanakah Tuan mengatasi pengalaman pahit yang berlaku ?

#### **BAHAGIAN 7: SUMBANGAN**

1. Bagaimanakah penerimaan masyarakat setempat terhadap Taekwondo ?
2. Bagaimanakah Taekwondo dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat ?
3. Pada pendapat Tuan, apakah seni mempertahankan diri ini wajar dipromosikan di peringkat antarabangsa ?


## **BAHAGIAN 8: HARAPAN**

1. Apakah harapan Tuan dalam bidang seni mempertahankan diri ini khususnya Taekwondo ?
2. Apakah nasihat Tuan kepada generasi muda yang berminat atau sedang mempelajari seni mempertahankan diri ini ?
3. Sepanjang Tuan menjadi guru Taekwondo, adakah cita-cita atau harapan Tuan yang masih belum mampu dikecapi oleh Tuan ?

## **PENUTUP**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai **pengalaman** dan **kisah hidup Encik Yee Chuan Hup**. Kami mengucapkan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam **Seni Bela Diri** para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

## LAMPIRAN 4 — SURAT PERJANJIAN



Gambar 1: Surat Perjanjian

## LAMPIRAN 5 — GAMBAR



Gambar 2: Gambar penemubual bersama Encik Yee Chuan Hup



Gambar 3: Gambar Encik Yee Chuan Hup bersama Nur Athira



Photo by: Bill Bain 2011

**KOJ**  
**JOGH**

**Nurul Athirah harum nama negara**

Cipta kejayaan raih pingat emas kejohanan taekwando di Ho Chi Minh City, Vietnam

ANALYSTS' NOTES BRIEFING

**KOTABAHU**—Universitas  
Genre 1.E. Bahau, venman  
Nurul Azizah, Akbaruddin  
Sababudin memperbaiki  
atau bukunya halaman kugip  
yang tidak mencapai  
kepuasan akademik ketika  
dikembangkan Teknologi Kebah  
Aktarabungsu yang ber-  
langsung di Ho Chi Minh  
City, Vietnam pada 22  
Januari 2016 lalu.



• Rumah Kesehatan Bantuan dari Jurnal Kesehatan Masyarakat pengaruh terhadap kesehatan masyarakat di Provinsi Banten.

Nurus Asturah dilahirkan pada pertengahan tahunan sekitar tahun di Lampung Terdiri dari keluarga besar Petrik, Pringgadadi, Chepa, mempunyai saudara kandungnya yakni Nurita yang berada di

Kepada ahli dan orang yang  
berjasa pada pentadbiran's walaupun  
tidak pun mungkin di bantah  
kebenaran pernyataan mereka.

*Salvinia natans* (L.) Schlechtendal  
var. *natans* (L.) Schlechtendal

beratnya pertama saya pada pertemuan ketiga, langsung dia berterimakasih karena menemukanku. Teruslah dia ini. Saya pernah bertemu kembali dengan saudaraku dan peristrinya. Sementara memang saya bertemu dengan dia.

"Impian saya adalah tentu saja mendapatkan anakku sendiri sebagaimana yang dia lakukan dengan anaknya dia dalam mimpi ini. Saya malah sering mengingatkan ibu semasa menggantung di penjara bahwa dia juga mengingat kalimat yang juga mengatakan bahwa Eman Sosial Keluargam (SK)

Bentuk lagu yang dimainkan berbeza-beza di setiap negara di Asia Tenggara. Antara negara di Asia Tenggara yang menggunakan bahasa Melayu dan Per-Singapuraan seperti Thailand, Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura, dan Vietnam. Lagu-lagu ini merupakan warisan budaya dan sejarah bangsa.

ke suatu teritorial, dengan pengetahuan teknis. Kita tidak berlatih kecakapan tinggi kreativitas. Namun sebaliknya, seorang teknisi sebagai pengetahuan dan praktisitas, merupakan seseorang yang memiliki kecakapan tinggi kreativitas.




Gambar 4: Gambar Nur Athirah bersama Encik Yee dalam surat akhbar



Gambar 5: Gambar Encik Yee bersama penemubual di depan gelanggang latihan



Gambar 6: Lukisan Tok Guru Nik Aziz




Gambar 7: Gambar Lukisan-lukisan yang ada di dalam gelanggang latihan.



Gambar 8: Encik Yee menunjukkan murid-muridnya.

## LAMPIRAN 6 — SIJIL PENGHARGAAN





## CERTIFICATE OF PARTICIPATION

YEE CHUAN HUP - LIGHT WT.

*This is to certify that the above name person  
has participated in the*

2ND MALAYSIAN CLOS. TAEKWONDO CHAMPIONSHIP

*At* CHINWOO STADIUM, KUALA LUMPUR

*Dated* 19TH FEBRUARY, 1953



# INDEKS

## A

- anak ..... 2, 3, 5, 8, 12, 15, 24, 35  
atas ..... 1, 4, 8, 12, 13, 15, 16, 19, 21, 25, 33

## B

- bahasa ..... 4, 8, 35  
beradik ..... 3, 35  
berpisah ..... 2  
bertanggungjawab ..... 16  
Biasa ..... 4, 10, 11, 12, 22  
budaya ..... 5

## C

- cabaran ..... 16  
cina ..... 5, 8, 11  
Covid ..... 4, 16

## D

- dunia ..... 5, 16, 10

## F

- fizikal ..... 16

## G

- gambar ..... 3, 4, 16, 23, 24, 33  
gelanggang ..... 5, 19

## H

- hari ..... 1, 2, 4, 5, 8, 11, 13, 14, 17, 18, 19, 34  
hidup ..... 5, 16, 1, 33, 34, 39  
Hobi ..... 3

## I

- ilmu ..... 6, 25, 36, 38, 39  
individu ..... 16  
isteri ..... 2, 3, 18

## J

- jogging ..... 5, 13, 14  
juara ..... 16

## K

- kahwin ..... 2  
kali 5, 7, 8, 11, 12, 13, 14, 16, 17, 19, 21, 22, 23, 24, 25

- kawan ..... 2, 3, 5, 7, 11, 15, 20, 22, 23, 24  
Kedisiplinan ..... 16  
kejohanan ..... 5, 7, 9, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 21, 23, 25  
kelantan ..... 4, 5  
Kelantan ..... 14, 1, 4, 5, 11, 16, 21, 32, 33, 34  
keluarganya ..... 5  
kesabaran ..... 16  
kesihatan ..... 16  
kesungguhan ..... 5, 16  
ketiga ..... 2, 3, 22  
Kuala Lumpur ..... 5, 7, 8, 24

## L

- lahir ..... 2, 6  
latihan ..... 16, 6, 8, 11, 12, 13, 15, 16, 17  
Latihan ..... 16, 14, 18  
lukisan ..... 3, 4, 22

## M

- mahir ..... 16, 13, 37  
melayu ..... 4, 8, 11  
melukis ..... 5, 3, 4, 5, 16  
Melukis ..... 5, 3  
mental ..... 16  
minat ..... 5, 3, 4, 17, 22, 24  
minda ..... 16  
Muay Thai ..... 5, 6, 1, 2, 7, 21, 22  
muaythai ..... 3

## N

- Naga ..... 5, 6, 1, 2  
Naga Utara ..... 5, 6, 1, 2

## P

- pagi ..... 5, 11, 18  
pelatih ..... 16  
Pelatih ..... 16  
pendidikan ..... 16, 5, 36  
pengalaman ..... 1, 6, 7, 17, 19, 25, 33, 34, 38, 39  
perjalanan hidup ..... 5  
pertahanan ..... 16, 37  
pertandingan ..... 16, 21, 36  
pukul ..... 1, 5, 11, 12, 18, 19, 22, 34

**S**

- sejarah ..... 1, 15, 34, 38  
sekolah .... 3, 4, 5, 6, 7, 8, 11, 12, 15, 16, 18, 19, 20, 23,  
24, 36  
semangat..... 16, 24  
seminggu ..... 5, 8, 11, 12, 13, 16, 17  
seni.5, 16, 1, 3, 6, 12, 16, 17, 22, 25, 27, 32, 34, 37, 38,  
39  
seni bela diri ..... 5, 16, 1, 17, 22, 23, 25, 32, 34, 37, 38  
serang.....14, 20, 22, 23, 24  
serangan..... 16  
Sistem..... 11, 12, 16  
SRP..... 5  
*stage*..... 1, 2, 7, 21  
suka ..... 3, 4, 5, 7, 20, 35  
sukan ..... 16, 9  
sungguh..... 23

**T**

- Taekwondo.5, 6, 14, 16, 1, 2, 3, 5, 6, 7, 8, 9, 12, 13, 15,  
17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 27, 33, 34, 36, 38,  
39  
teknik..... 16, 19, 22, 23  
tendangan ..... 16, 10, 14, 23  
tokoh.....1, 30, 31, 32, 33, 34  
Tuan..... 1, 2, 6, 35, 36, 37, 38, 39

**U**

- Utara..... 2